



# Sosialis



## ALTERNATIF SEBENAR UNTUK RAKYAT MALAYSIA



**Sepintas lalu sejarah PSM pinjam logo parti lain dalam PRU**

> m/s 6

**Dr. Kumar membidas Bank Dunia**

> m/s 13

**Gangguan seksual adalah jenayah**

> m/s 12

**Ada apa dengan undi rosak?**

> m/s 4

baca lanjut di m/s 16

# Kenapa gaji minimum RM 1500?

baca lanjut di m/s 10 & 11



## DASAR PERJUANGAN PARTI SOSIALIS MALAYSIA

**Parti Sosialis Malaysia (PSM)** adalah satu parti politik rakyat Malaysia yang berasaskan prinsip dan ideologi sosialisme yang bersifat Perjuangan Rakyat berteraskan keadilan sosial dan ekonomi; bagi mewujudkan masyarakat demokratik yang aman, makmur, maju, berakhlak mulia dan saksama. Ia berjuang untuk memenuhi keperluan asas rakyat dan membebaskan rakyat daripada sebarang bentuk penindasan dan pemaksaan.

### Bendera dan lambang

Lambang parti ialah genggam tangan kiri yang melambangkan perpaduan rakyat dan semangat perjuangan. Merah melambangkan perjuangan dan putih melambangkan kesucian dan keikhlasan dalam perjuangan.



### Matlamat PSM

- Mengamalkan prinsip sosialisme sebagai cara hidup.
- Mempertahankan masyarakat demokratik dan progresif yang mengutamakan kerohanian, kemanusiaan dan keadilan sebagai asas ke arah pembangunan.
- Memastikan strategi pembangunan yang mewujudkan hubungan seimbang antara keperluan sosial dan ekonomi di peringkat individu, masyarakat dan nasional.
- Mengagihkan kekayaan secara adil dan saksama, Melaksanakan sistem sosioekonomi yang mempunyai mekanisme dalaman untuk menghalang penindasan dan sifat tamak.
- Memberi peluang kepada rakyat berbilang kaum, jantina, agama, usia, pekerjaan dan menyertai proses mewujudkan persefahaman yang lebih jitu di kalangan kaum, agama dan budaya.
- Mengukuhkan hak asasi manusia pada setiap peringkat masyarakat dan mendedahkan sebarang bentuk penindasan, nepotisme, hipokrisi dan kepalsuan.
- Menghormati Perlembagaan Persekutuan yang menekankan kepada hak demokratik dan toleransi bahasa, budaya dan agama.
- Menjamin kebebasan bersuara, berpersatuan dan pencapaian intelektual memberi keutamaan dalam tanggungjawab sosial terhadap kebajikan pekerja dan keluarga menjamin hak pekerja untuk menubuhkan kesatuan pekerja memberi keutamaan institusi kekeluargaan khususnya kepada wanita yang mengandung, bayi, kanak-kanak, warga tua dan orang kurang upaya.
- Memastikan tidak berlaku penindasan dan diskriminasi di semua peringkat bagi sektor perindustrian dan pertanian.
- Mewujudkan rasa saling menghormati, memahami dan tolak ansur di kalangan semua

agama dan budaya.

- Menyediakan peluang pendidikan percuma di semua peringkat dengan mewajibkan pendidikan di peringkat rendah dan menengah.
- Memastikan penyertaan guru dan pelajar dalam proses menentukan haluan sistem pendidikan nasional.
- Melindungi alam sekitar daripada pencemaran dan peminasaan.
- Mengurangkan birokrasi dan menghapuskan karenah birokrasi yang mengekang pembangunan.

### Mengapa Kita Perlu Satu Parti Sosialis?

Sistem yang ada kini telah gagal membawa kesejahteraan kepada rakyat yang majoriti.

Sistem kapitalis ini hanya mengutamakan segelintir kecil masyarakat.

Untuk menubuhkan sistem kapitalis ini perlu ada sistem Sosialis yang lebih mementingkan aspek kemanusiaan, keadilan dan pengagihan kekayaan.


Parti Sosialis ini adalah untuk membela nasib majoriti rakyat iaitu para pekerja kilang, petani, nelayan, pekerja ladang, peniaga kecil, orang Asli, pelajar, pekerja semi-profesional dan sebagainya.

Masalah rakyat bukan di antara orang Melayu, Cina dan India atau di antara orang Islam dan bukan Islam. Tetapi orang kaya dan miskin. Kekayaan negara dimiliki dan dibolot oleh segelintir kecil masyarakat, anak dan kroni mereka. Manakala rakyat yang majoriti masih belum menerima bahagian.

Parti Sosialis lebih mementingkan isu-isu asas rakyat seperti pekerjaan, rumah, tanah, alam sekitar dan sebagainya. Parti Sosialis akan menyatukan tenaga semua golongan pekerja untuk mempertahankan hak kita.

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah sebuah parti yang lahir dari perjuangan rakyat akarumbi di kilang, ladang dan kawasan miskin kota. Parti ditubuhkan sebagai alat untuk kaum pekerja dan golongan berpendapatan rendah dan menengah untuk hak mereka. PSM meneruskan perjuangan menentang rasuah, penyelewengan dan perkauman golongan yang memerintah. Selagi penindasan rakyat ada, perjuangan ini akan berterusan.

Untuk sumbangan, sila buat cek atas nama:  
Parti Sosialis Malaysia  
No. Akaun Maybank:  
512080337313



PSM adalah anggota kepada **Gabungan Kiri**, satu usahasama antara kumpulan dan individu dalam membina gerakan kiri sebagai alternatif untuk masyarakat Malaysia.

## DARI MEJA PENGARANG

Setiap lima tahun, rakyat Malaysia akan berdepan dengan pilihanraya. Tahun 2018 ini akan berlangsungnya Pilihanraya Umum ke-14 (PRU-14). Untuk lebih 6 dekad yang lepas, negara kita ditadbir oleh gabungan parti politik yang sama, iaitu Barisan Nasional (BN), dikenali sebagai Parti Perikatan sebelum tahun 1973, yang didominasi oleh UMNO. Untuk 13 pilihanraya yang lepas, UMNO-BN dapat kekalkan kuasanya melalui sistem pilihanraya yang penuh dengan kepincangan dan ketidakadilan. Parti-parti pembangkang sentiasa mahu menukar rejim pemerintah melalui pilihanraya tetapi tidak pernah berjaya. Menjelang PRU-14, telah diheboh-hebohkan sesetengah pihak tentang kemungkinan untuk Pakatan Harapan, sebagai gabungan parti pembangkang aliran utama sekarang ini, untuk menewaskan UMNO-BN dalam PRU-14, dengan adanya Mahathir sebagai calon Perdana Menteri sekiranya menang dalam pilihanraya.

Usaha mengangkat Mahathir sebagai pemimpin yang terutama dalam Pakatan Harapan sehingga menjadikan Perdana Menteri yang ke-4 sebagai calon Perdana Menteri yang ke-7, telah mengundang kesangsian dan kritikan daripada pelbagai pihak. Isu dengan Mahathir ini bukannya sebab usianya yang sudah amat tua ataupun dendam sebahagian aktivis yang pernah menjadi mangsa penindasan semasa zaman pemerintahannya. Mahathir mempunyai rekod politik yang bersifat kediktatoran, korup dan zalim.

Masalah asasnya dengan Mahathir adalah politik yang dibawanya dan kepentingan kelas di sebalik politiknya.

Mahathir sebagai peneraju dasar ekonomi neo-liberal di negara kita, telah menggunakan segala cara yang mungkin untuk menghancurkan segala kekuatan pembangkang yang dianggap dapat mencabar kekuasaannya dan menghalang proses "pembangunan" negara. Pembangunan yang diidamkan Mahathir sentiasa adalah untuk mewujudkan satu lapisan kelas kapitalis tempatan (melalui amalan kronisme dan juga penswastaan) dengan menggunakan apa jua cara, termasuklah mengorbankan kepentingan masyarakat bawahan. Dasar yang dibawa oleh Mahathir ini telah disambung oleh penggantinya. Sekarang ini, oleh sebab blok pembangkang aliran utama gagal memantapkan gerakan rakyat melalui kerja-kerja akar umbi, maka mereka terpaksa bergantung pada Mahathir dan puaknya yang baru berpecah keluar dari UMNO, untuk memimpin Pakatan Harapan menuju kekuasaan di Putrajaya. Rakyat telah diturunkan taraf menjadi sekadar catur untuk elit politik dalam usaha mereka mengejar kuasa. Ini tidak akan membawa apa-apa perubahan yang bermakna untuk rakyat walaupun Pakatan Harapan akan mengambilalih kuasa di Putrajaya. Oleh yang demikian, adalah penting untuk kita teruskan usaha membina kuasa rakyat dari bawah, mewujudkan kesedaran politik rakyat melalui kerja-kerja mengorganisasi masyarakat dan memobilisasi untuk memperjuangkan hak rakyat. ##

# Langganlah Akhbar Sosialis sekarang!

Jika anda mahu **AKHBAR SOSIALIS** dipos terus kepada anda, maka anda boleh berlanggan terus dengan kami.

Harga solidariti (termasuk harga setem) RM25 setahun (12 keluaran akhbar **SOSIALIS** Bahasa Melayu)

Nama: \_\_\_\_\_

Alamat: \_\_\_\_\_

Telefon: \_\_\_\_\_

Faks: \_\_\_\_\_

E-mel: \_\_\_\_\_

Cek / Wang Pos / Draf Bank atas nama  
**PARTI SOSIALIS MALAYSIA**

Hantar kepada **Parti Sosialis Malaysia**

140A, Jalan Sultan Abdul Samad,  
Brickfields, 50470 Kuala Lumpur.

Tel/Faks: 03-22762247

E-mel: [pusat@partisosialis.org](mailto:pusat@partisosialis.org)

Laman web: <http://partisosialis.org/>

## Pelancaran Piagam Rakyat untuk Perjanjian Perdagangan Antarabangsa



**KUALA LUMPUR** - Parti Sosialis Malaysia (PSM) telah melancarkan Piagam Rakyat untuk Perjanjian Perdagangan Antarabangsa, sebuah dokumen yang menggariskan prinsip-prinsip penting dalam merundingkan perjanjian perdagangan, pada 17 Januari lalu di Kuala Lumpur.

Kesan negatif perjanjian perdagangan antarabangsa seperti TPPA (Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik), semakin terbukti kini, kerana perjanjian perdagangan digunakan oleh pihak korporat gergasi dan syarikat multinasional untuk menulis semula peraturan perdagangan dunia.

Rakyat Malaysia telah bangkit membantah TPPA pada tahun 2010-2016. Namun, kerajaan masih meneruskan rundingan TPPA dan juga perjanjian perdagangan bebas lain yang sama implikasinya terhadap rakyat.

Maka, PSM mengambil inisiatif untuk memulakan proses mendrafkan satu Piagam Rakyat yang mengutarakan sembilan tema yang seharusnya dijadikan asas dalam pembentukan apa jua perjanjian perdagangan antarabangsa.

Mesyuarat meja bulat untuk membincangkan draf Piagam Rakyat ini telah diadakan, dihadiri oleh organisasi masyarakat sivil yang telah lama berjuang menentang perjanjian perdagangan bebas seperti Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia - Amerika Syarikat (2006), TPPA (2010-2016), dan kini Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP).

Piagam Rakyat untuk Perjanjian Perdagangan Antarabangsa ini merupakan suatu dokumen menyeluruh ke arah membentuk perjanjian perdagangan yang mengutamakan rakyat 99%.

## Kes Arul didakwa menghasut



**KUALA LUMPUR** - Kes pendakwaan terhadap S. Arutchelvan (AJK Pusat PSM) di bawah Akta Hasutan telah disebut pada 10 Januari lalu di Mahkamah Kuala Lumpur. Sebutan kes Arul ini diadakan bersama dengan kes Zunar, Surendran dan Eric Paulsen. Arul diwakili oleh peguam New Sin Yew, sementara yang lain diwakili peguam Gopal Sri Ram.

Arul didakwa di bawah Seksyen 4(1)(c) Akta Hasutan pada 23 November 2015, kerana posting facebooknya yang mengecam keputusan Mahkamah Persekutuan yang mensabitkan Anwar Ibrahim dalam kes liwat 2.0 pada 10

Februari 2015.

Gopal Sri Ram telah memohon untuk tarikh baru kerana hendak mencabar penggunaan Akta Hasutan yang melanggar Perlembagaan. Mahkamah telah memutuskan untuk mendengar perkara ini pada 19 Mac akan datang, di samping menetapkan 3 tarikh perbicaraan pada bulan Ogos 2018 mulai 13 Ogos. Pada masa itu, Anwar sudah pun bebas dari penjara tetapi pendakwaan terhadap komen tentang penghakiman kes beliau baru sahaja bermula.

**"Cara kerajaan membangunkan kelas usahawan melayu telah mewujudkan satu golongan usahawan yang parasitik, dan pada masa yang sama memiskinkan lagi golongan miskin luar bandar yang kebanyakannya orang melayu juga. Untuk menyelesaikan masalah ini, kita tidak boleh melakukannya melalui cara birokrasi, tetapi melalui cara memperdalamkan demokrasi. Salah satu cara ialah memperkasakan JKKK tempatan dengan mengadakan pemilihan demokratik JKKK."**

- Dr. Jeyakumar Devaraj,  
hujah yang dikemukakan semasa sesi perbincangan meja bulat  
tentang isu kemiskinan luar bandar, 21 Jan 2018

## Pertahankan pengeluaran makanan tempatan

**IPOH** - Wakil daripada Gabungan Selamatkan Petani dan Penternak Perak telah menyerahkan petisyen dengan 1900 tandatangan kempen "Pertahankan Pengeluaran Makanan Tempatan" kepada Kerajaan Negeri Perak pada 25 Januari lalu.

Tuntutan yang dikemukakan oleh PSM dan Gabungan Selamatkan Petani dan Penternak Perak adalah:

1. Kekalkan pengeluaran makanan tempatan.
2. Melindungi petani dan penternak

dengan memberikan geran tanah kepada mereka.

3. Jika kerajaan perlu membuat projek pembangunan, sila ambil tanah syarikat perladangan besar seperti Sime Darby.

4. Jika kerajaan terpaksa mengambil tanah pertanian untuk kepentingan awam seperti hospital, sekolah dan jalan raya, maka harus memberikan tanah gantian yang sesuai kepada petani dan penternak.

5. Menggubal undang-undang yang melindungi petani dan penternak kecil.



## Sesi meja bulat tentang kemiskinan luar bandar

**PETALING JAYA** - Satu sesi meja bulat tentang isu kemiskinan luar bandar telah diadakan pada 21 Januari lalu. Sesi ini dihadiri oleh wakil organisasi dan individu yang prihatin pada isu tersebut. Dr. Jeyakumar Devaraj, AJK Pusat PSM merangkap Ahli Parlimen Sungai Siput, telah membentangkan laporan kajian yang dibuat oleh PSM tentang isu kemiskinan luar bandar, dan juga cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah ini di beberapa sektor di kawasan luar bandar.



## Memorandum kepada PBB: Iktiraf hak rakyat West Papua untuk menentukan nasib sendiri

**PUTRAJAYA** - PSM telah menyerahkan satu memorandum yang disokong oleh 36 organisasi kepada wakil Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Malaysia pada 26 Januari lalu, dengan tuntutan supaya PBB mengiktiraf petisyen yang ditandatangani 1.8 juta orang rakyat West Papua untuk pengundian bebas bagi menentukan nasib sendiri.

Memorandum tersebut telah diterima oleh Juanita Joseph, Pakar Penyelaras PBB. Turut hadir bersama semasa penyerahan memorandum kepada wakil PBB di Malaysia ialah Sevan Doraisamy (Pegarah Eksekutif SUARAM) dan Sivarajan Arumugam (Setiausaha Agung PSM).

Organisasi yang menyokong memorandum inisiatif PSM kepada PBB, telah menyeru pada PBB supaya:

- Menerima dan mengiktiraf Petisyen Rakyat West Papua yang ditandatangani 1.8 juta rakyat West Papua dengan tuntutan untuk mengadakan referendum kemerdekaan.

- Memasukkan semula West Papua dalam senarai Jawatankuasa Khas PBB mengenai Dekolonisasi demi memastikan hak untuk menentukan nasib sendiri oleh rakyat West Papua.
- Melantik seorang perwakilan khas untuk menyiasat pencabulan hak asasi manusia di West Papua.

PSM turut berpendapat bahawa kebebasan informasi, kebebasan bersuara, kebebasan berpersatuan dan kebebasan minda untuk rakyat West Papua perlu dilindungi. Demi memastikan hak rakyat West Papua untuk menentukan nasib sendiri, penindasan dan politik perkauman yang diamalkan oleh pihak berkuasa Indonesia terhadap rakyat West Papua perlu dihentikan.



# Undi rosak itu otak rosak?

Seruan untuk Undi Rosak dalam PRU-14 oleh sesetengah anak muda di ruangan media sosial baru-baru ini telah mendapat sambutan dan reaksi hebat daripada pelbagai pihak.

Yang paling gerun dan bimbang tentang kempen Undi Rosak ini adalah blok parti pembangkang aliran utama, Pakatan Harapan (PH). Mahathir Mohamad, Pengerusi dan juga calon Perdana Menteri untuk PH, telah mendakwa bahawa kempen Undi Rosak bertujuan untuk mengelirukan rakyat supaya UMNO-BN dapat menang dalam pilihanraya. Wan Azizah, Presiden dan bakal calon Timbalan PM untuk PH, merayu pada penyokong PH supaya jangan merosakkan undi kerana Mahathir. Ramai pemimpin Pakatan Harapan PH juga mengeluarkan kenyataan yang mengutuk kempen Undi Rosak.

Ada juga ramai penyokong PH di media sosial menggunakan pelbagai kata-kata kesat untuk menyerang penyokong kempen Undi Rosak. Label-label seperti "otak rosak", "makan dedak", "tidak matang" dan "bodoh" digunakan terhadap mereka yang menyokong Undi Rosak, malah ada juga yang mendesak pihak berkuasa mengambil tindakan terhadap mereka yang menyeru untuk Undi Rosak.

Di pihak Barisan Nasional pula, Perdana Menteri Najib Razak menyifatkan kempen Undi Rosak itu tindakan yang bertentangan dengan sistem demokrasi yang diamalkan di Malaysia. Khairy Jamaluddin, Ketua Pemuda UMNO, mengatakan bahawa kempen Undi Rosak itu tidak bertanggungjawab.

Dengan reaksi hebat daripada pemimpin-pemimpin di kedua-dua belah perpecahan politik, amat jelas menunjukkan kempen Undi Rosak memang menggugat.

## Apa itu Undi Rosak?

Kita perlu jelas bahawa adanya beza antara undi rosak, boikot dan tidak berdaftar menjadi pengundi. Jangan keliru dengan istilah-istilah ini.

Boikot pilihanraya bermaksud pengundi tidak keluar mengundi. Undi rosak pula bermaksud pengundi keluar mengundi pada hari pengundi, tetapi melakukan sesuatu untuk menjadikan kertas undi "rosak" sama ada secara sengaja atau tidak sengaja. Sesuatu kertas undi dikira rosak jika tidak dipangkah, tidak dibuat apa-apa tanda, dipangkah semua parti-parti yang tertera di atasnya, dikoyakkan atau dibuat tanda-tanda yang menyebabkan undi tidak lagi sulit.

Orang yang tidak berdaftar menjadi pengundi, tiada hak untuk mengundi mengikut undang-undang negara kita. Dianggarkan terdapatnya seramai 3.7 juta orang warganegara Malaysia, yang majoritinya anak muda berumur antara 21 hingga 30 tahun, belum lagi mendaftarkan diri mereka sebagai pengundi. Mereka yang tidak berdaftar sebagai pengundi tidak akan dapat memboikot pilihanraya ataupun membuang undi rosak. Ini kerana mereka langsung tidak akan dimasukkan dalam statistik peratusan keluar mengundi ataupun peratusan undi rosak dalam pengiraan undi. Nak

undi pun tidak boleh, bagaimana orang tahu dia ni memboikot pilihanraya atau tidak? Lebih-lebih lagi, tidak dapat merosakkan undi kerana langsung tidak dapat mengundi. Adanya banyak faktor kenapa seseorang itu tidak berdaftar menjadi pengundi, antaranya dia tidak sedar tentang haknya untuk mengundi, dia tidak tahu perlunya mendaftarkan dirinya sebagai pengundi, dia menganggap pilihanraya itu tidak kena mengena dengannya, dia tidak berminat langsung dengan melibatkan diri dalam pilihanraya, dia merasakan bahawa tiada guna untuknya mengundi, ataupun dia kecewa dengan sistem politik yang sedia ada.

Boikot pilihanraya merupakan satu tindakan yang sedar untuk langsung tidak keluar mengundi. Pada satu ketika dulu, Parti Buruh pernah mengadakan kempen memboikot pilihanraya, iaitu pada tahun 1969, sehingga berlakunya kejadian seorang penyokong kempen memboikot pilihanraya ditembak mati polis.

Kempen boikot pilihanraya biasanya bertujuan sebagai bantahan terhadap sistem pilihanraya yang tempang dan tidak adil. Oleh sebab sistem pilihanraya yang tidak mungkin akan berpihak kepada pembangkang, maka tiada gunanya keluar mengundi. Kesan kempen memboikot boleh ditunjukkan melalui peratusan keluar mengundi yang berkurangan. Semakin rendah peratusan keluar mengundi, semakin berjaya kempen memboikot. Sekiranya sesuatu kerajaan menang dalam pilihanraya dengan peratusan mengundi yang amat rendah, legitimasi kerajaan itu akan terus menjadi persoalan. Namun, risiko untuk pihak yang menganjurkan kempen boikot pilihanraya adalah mereka mungkin akan terpisah langsung daripada rakyat biasa yang beria-ia untuk mengambil bahagian dalam kempen pilihanraya walaupun pilihanraya itu tidak demokratik.

Berbeza dengan boikot pilihanraya, undi rosak hanya boleh terjadi dengan pengundi keluar mengundi pada hari mengundi. Kempen undi rosak bertujuan untuk menambahkan jumlah undi rosak dalam pengiraan undi yang dibuang. Semakin tinggi peratusan undi rosak, bermakna semakin berjaya kempen undi rosak. Kempen undi rosak biasanya merupakan sejenis protes terhadap situasi politik yang mengecewakan, di mana tiada satu parti atau calon yang bertanding dalam pilihanraya itu boleh pakai.

Kempen Undi Rosak yang giat berlangsung pada takat ini, pada awalnya bukan satu kempen yang tersusun dan digerakkan oleh mana-mana organisasi masyarakat, tetapi hanyalah cetusan idea dan tindakan secara spontan oleh golongan anak muda yang kecewa dengan keadaan politik di negara kita sekarang ini. Kebanyakan mereka yang terlibat dalam Kempen Undi Rosak ini sebelum ini adalah penyokong pembangkang dan bukannya usaha sabotaj oleh UMNO-BN atau makan dedak UMNO-BN seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak. Barangkali pencetus untuk Kempen Undi Rosak baru-baru ini, adalah pengumuman oleh PH bahawa Mahathir diangkat sebagai calon PM

sekiranya PH menang dalam pilihanraya. Kemunculan Mahathir sebagai pemimpin utama blok pembangkang PH sudahpun mengundang pelbagai kontroversi dan kekecewaan daripada mereka yang menyokong blok pembangkang sebelum ini, pencalonan Mahathir sebagai PM sekiranya PH ambillah kuasa di Putrajaya semestinya akan menambahkan kekecewaan ramai yang mengharapkan perubahan sebenar untuk politik negara.

Undi Rosak memangnya satu bentuk protes yang berasal daripada kekecewaan. Kekecewaan terhadap PH sebagai blok pembangkang yang sepatutnya menggantikan BN tetapi tidak menawarkan apa-apa alternatif. Ada juganya kekecewaan terhadap PH yang meletakkan calon payung terjun atau calon yang tidak berkaliher, yang bakal menyebabkan pengundi membuang undi rosak.

## PSM dalang di sebalik kempen Undi Rosak?

Dengan kehangatan polemik tentang Undi Rosak, adanya satu tohmahan yang mengatakan bahawa PSM yang mendalangi kempen Undi Rosak. Ini adalah satu tuduhan yang tidak berasas malah tidak masuk akal langsung.

PSM merupakan salah sebuah parti politik yang akan bertanding dalam PRU-14 yang akan datang. PSM akan meletakkan calon di beberapa kawasan Parlimen dan DUN, dengan menawarkan calon yang berkaliher, berjaya rakyat dan boleh dipercayai dalam membawa aspirasi rakyat untuk perubahan ke depan. Maka, adalah tidak masuk akal untuk PSM menyeru rakyat membuang undi rosak apabila PSM sendiri akan bertanding dalam pilihanraya.

Walau bagaimanapun, PSM berpegang teguh pada prinsip menghormati pilihan pengundi, termasuklah memilih untuk undi rosak.

Dalam tulisannya dalam satu status facebook baru-baru ini, Arutchelvan (AJK Pusat PSM) mengatakan bahawa, "jika seseorang tidak dapat mempercayai Mahathir, maka adalah bukan tugas saya atau PSM untuk meminta mereka supaya percaya pada Mahathir. Saya juga berpendirian bahawa adalah tanggungjawab parti yang hendak memerintah seperti PH untuk menyakinkan rakyat supaya keluar mengundi atau mempercayai Mahathir, tetapi saya lihat cara PH mengkritik dan serang mereka yang tidak bersependapat dengan mereka seperti melabel siapa yang kritik PH sebagai makan dedak Najib dan sebagainya, telah menyebabkan kemarahan dan ia juga semakin membawa kepada undi rosak. PH sepatutnya lebih merendah diri dan cuba mendampingi golongan-golongan yang selama ini menentang BN."

PSM tidak akan memulau pilihanraya. Sebaliknya, PSM akan meletakkan calon untuk bertanding. Walaupun bertanding di kawasan yang tidak banyak, tetapi PSM akan cuba membawa alternatif baru untuk

rakyat. PSM akan berkempen untuk menyeru dan menyakinkan rakyat supaya mengundi calon PSM di kawasan yang ditandingi PSM. Di kawasan yang tidak ditandingi PSM, PSM menyeru pada pengundi mengundi untuk calon atau parti politik yang benar-benar boleh membawa perubahan bermakna. Sekiranya pengundi mendapati tiadanya calon yang boleh pakai, maka terpulung kepada keputusan mereka untuk membuang undi rosak atau tidak.

## Undi Rosak sebahagian demokrasi

Adalah tidak betul sama sekali menyatakan bahawa undi rosak adalah "tindakan yang bertentangan dengan sistem demokrasi". Mengundi adalah hak demokratik setiap orang, dan setiap orang rakyat patut mempunyai kebebasan dalam membuat pilihan semasa mengundi, termasuk memilih untuk tidak memilih (iaitu tidak keluar mengundi) ataupun memilih untuk membuang undi rosak.

Mengundi mana-mana calon/parti yang disokongnya ataupun mengundi untuk undi rosak adalah sebahagian daripada proses demokrasi. Tiada sesiapa boleh menggunakan ugutan atau ancaman untuk menghalang orang lain daripada mengundi atau tidak mengundi. Menghalang orang untuk mengundi atau menghalang orang untuk tidak mengundi, adalah pencabulan terhadap hak demokrasi.

Sistem pilihanraya di Malaysia memang penuh dengan kepincangan. Adalah sukar untuk parti-parti pembangkang menang dengan sistem pilihanraya yang kotor dan tidak adil ini. Ada asasnya untuk hujah bahawa undi rosak yang banyak akan membantu rejim pemerintah untuk kekal berkuasa, selagi sistem pilihanraya tidak dirombak sepenuhnya. Namun, apabila parti-parti pembangkang gagal menunjukkan dirinya sebagai satu kuasa yang boleh dipercayai dalam membawa perubahan sebenar ataupun menawarkan alternatif yang lebih baik, maka pengundi akan membuang undi rosak sebagai tanda protes, ataupun langsung tidak keluar mengundi.

Akan tetapi, undi rosak tidak semestinya akan menguntungkan parti pemerintah, kerana ada kemungkinan juga pengundi yang pada asalnya menyokong parti pemerintah membuang undi rosak kerana tidak berpuasa hati tetapi tidak mahu mengundi parti pembangkang juga.

Jika calon parti pembangkang kalah kerana undi rosak yang banyak, kita tidak patut menyalahkan pengundi yang membuang undi rosak. Yang patut membuat semakan diri adalah parti pembangkang itu sendiri, dengan menanya pada diri sendiri kenapa seseorang pengundi itu lebih sanggup merosakkan undi daripada mengundinya.

Untuk sesuatu parti politik yang tidak mahu rakyat membuang undi rosak, caranya bukan menuduh orang yang mahu undi rosak itu "bodoh", "otak rosak", "makan dedak" ataupun ejen parti lawan, tetapi menyakinkan rakyat untuk mengundinya berasaskan program politik yang ditawarkannya.

(sambung di m/s 5)



# Penduduk B40 Cameron Highlands menuntut penyelesaian untuk masalah rumah

**PUTRAJAYA** - Penduduk-penduduk daripada keluarga 40% berpendapatan paling bawah (B40) di Cameron Highlands telah mengadakan protes di hadapan Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada 17 Januari lalu, menuntut temujanji dengan pihak Perdana Menteri untuk menyelesaikan isu rumah mampu milik yang dihadapi mereka.

Ini merupakan kali ketiga penduduk B40 dari Cameron Highlands datang ke JPM untuk membawa tuntutan supaya masalah perumahan mereka dapat diselesaikan. Jawatankuasa Rumah Mampu (JRM) yang ditubuhkan PSM Cameron Highlands telah datang ke JPM pada 5 Disember lalu untuk mendapatkan temujanji untuk membincangkan masalah mereka seperti yang dijanjikan pegawai JPM sebelum itu, tetapi gagal menemui mana-mana pegawai kanan dari JPM walaupun mereka tunggu dari waktu pagi sampai petang.

Oleh itu, JRM telah bercadang untuk berkhemah pada 17 Januari untuk menunggu sehingga JPM memberikan temujanji untuk berbincang dan menyelesaikan masalah mereka. Berikutan protes yang diadakan di hadapan JPM pada hari itu, penduduk akhirnya dapat berjumpa dengan Pegawai Khas kepada Perdana Menteri, Seelan. Penduduk telah diberitahu bahawa isu tersebut telah diambilalih oleh Seelan selepas mereka hadir di JPM pada 5 Disember yang lepas. Aneh sekali, penduduk Cameron Highlands hanya mendapat tahu tentang perkara ini lebih sebulan selepas mereka hadir ke JPM dan

pada hari apabila mereka bercadang untuk berkhemah sampai dapat temujanji.

Pihak JPM telah bersetuju untuk mengadakan perjumpaan susulan pada 29 Januari dan pihak JRM akan membawa senarai keluarga B40 yang memerlukan rumah untuk semakan. Pihak JPM juga pada dasarnya bersetuju untuk membina rumah yang disubsidi kerajaan untuk kumpulan B40 di Cameron Highlands ini.

Ini merupakan satu perkembangan yang positif selepas desakan yang berterusan daripada penduduk Cameron Highlands.

Suresh Kumar, Setiausaha PSM Cameron Highlands, telah hadir bersama dengan penduduk Cameron Highlands semasa protes di hadapan JPM.

## Latar belakang isu

Banyak keluarga golongan B40 telah tinggal di Cameron Highlands untuk puluhan tahun, tetapi sampai sekarang hanya menyewa atau mendirikan rumah di atas tanah kerajaan (peneroka bandar). Harga rumah terlalu mahal di Cameron Highlands dan syarat-syarat pembelian rumah PR1MA yang tidak munasabah menyebabkan mereka terpinggir.



Jawatankuasa Rumah Mampu (JRM) sudah menghantar beberapa pucuk surat kepada Perdana Menteri untuk meminta temujanji, tetapi tidak mendapat sebarang jawapan. Beberapa surat yang dihantar kepada Perbadanan PR1MA juga tidak mendapat jawapan.

JRM bersama dengan penduduk Camerron Highlands telah hadir di Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada 24 Oktober 2017 untuk mendapatkan temujanji berjumpa PM tetapi telah diminta pulang oleh Setiausaha Politik PM, Jailani Ngah, melalui pegawainya, Wan Mohd Azizol. Wan Mohd Azizol telah berjanji untuk menghantar satu salinan surat

temujanji melalui e-mel dan juga melalui pos, tetapi sampai sekarang JRM tidak mendapat sebarang surat yang berkenaan.

Berikutan kegagalan Jailani Ngah dan Wan Mohd Azizol dari JPM memberikan temujanji, sebanyak 38 keluarga yang menganggotai JRM telah membuat aduan polis di IPD Cameron Highlands pada 13 November 2017.

Pada 5 Disember 2017, penduduk Cameron Highlands mengadakan protes di hadapan JPM untuk meminta supaya satu tarikh temujanji diberikan, tetapi dari waktu pagi sampai pejabat JPM ditutup, mereka masih tidak diberi apa-apa surat temujanji. ##

# Protes di depan bank hentikan lelong rumah

**KUALA LUMPUR** - Satu protes telah diadakan di ibu pejabat Bank OCBC di Kuala Lumpur pada 25 Januari lalu, untuk mendesak pihak bank supaya menghentikan proses lelong rumah seorang warga berpendapatan rendah.

Tamil Selvam membeli rumah dengan pinjaman bank OCBC pada tahun 2001 dan telah habis bayar hutang tersebut. Selepas itu, dia memohon untuk "pembayaran semula" (*refinancing*) rumah itu dengan pinjaman RM 100,000 dan membuat bayaran

ansuran RM 500 sebulan dan adakalanya RM 1,000.

Bayaran ansurannya tergendala dalam satu tahun ini apabila perniagaannya bankrap. Tetapi beliau terus mengadakan perbincangan untuk penstrukturan semula pinjaman tersebut sehingga 29 Disember 2017. Tiba-tiba pada 19 Januari 2018, pihak OCBC membuat panggilan dan berkata bahawa rumahnya akan dilelongkan pada 25 Januari 2018 jika Tamil Selvam gagal bayar RM

24,000. Tamil Selvam setuju untuk bayar RM 10,000 sekarang, tetapi bank tidak mahu terima dan masih mahu teruskan proses lelongan.

Aktivis PSM bersama dengan Tamil Selvam mengadakan protes untuk menuntut supaya proses lelongan dihentikan segera dan mendesak pihak Bank OCBC supaya membantu Tamil Selvam dalam proses penstrukturan semula pinjaman.

Hasil daripada aksi protes ini, proses lelong telah berjaya dihentikan. ##



(sambung dari m/s 4)

## Apa akan dicapai kempen Undi Rosak?

Sejauh mana kempen Undi Rosak ini akan berjaya, penentu akhirnya adalah peratusan undi rosak dalam PRU-14 akan datang. Namun, kempen Undi Rosak telah berjaya mendapatkan perhatian umum apabila pelbagai pihak membincangkan undi rosak, sama ada setuju dengan undi rosak atau tidak.

Jika undi rosak ini terus mendapat sambutan, semestinya peluang untuk PH menang dalam pilihanraya akan menjadi lebih tipis lagi. Sekiranya ini berlaku, apa yang patut pemimpin PH buat bukannya terus menyalahkan

mereka yang berkempen untuk undi rosak, sebaliknya mencari sebab kenapa mereka yang memberontak terhadap rejim sekarang ini lebih rela merosakkan undi daripada mengundi PH. Jika tidak dapat menilai dan mempelajari daripada kesilapan, tidak mungkin untuk sesuatu parti politik menawarkan dirinya sebagai alternatif yang dapat membawa perubahan sebenar.

Adalah penting untuk kita berbincang dan berdebat tentang kempen Undi Rosak, berasaskan hujah-hujah untuk membuka minda kita tentang masalah yang sedang kita hadapi, bukannya memaki hamun terus mereka yang mengeluarkan pendapat yang berbeza. Kita perlu

sentiasa berfikir dan berbincang tentang bagaimana kita dapat membawa perubahan yang lebih baik untuk rakyat biasa. Setiap tindakan yang diambil dalam proses perubahan sosial, patutnya kita menilai dari masa ke semasa, dan maju ke depan dengan mengambil pedoman daripada pengajaran.

Kita juga perlu sedar bahawa, kita tidak patut terlalu dipukau oleh ilusi bahawa kita boleh membawa perubahan hanya melalui sistem pilihanraya yang penuh dengan penipuan dan kepincangan. Kita juga tidak patut terikut-ikut pada politik arus perdana yang hanya mahu menukar kerajaan tetapi bukannya sistem yang mewujudkan segala kepincangan hari ini. Tugas untuk

rakyat yang sedar adalah membina kuasa rakyat dari bawah untuk memperjuangkan alternatif yang baru. Sekiranya kita tidak membina alternatif baru yang benar-benar berlandaskan perjuangan rakyat marhaen, kita akan terus disajikan dengan pilihan yang tiada pilihan sebenar, iaitu memilih antara Coke dan Pepsi, ataupun memilih 2 badut dalam sarkas politik yang sama. Kunci untuk membebaskan diri daripada dilema dan sarkas politik yang berulang-ulang, adalah semua golongan progresif mengembleng tenaga untuk membina kuasa rakyat baru ini secara bersama-sama, dan tiada jalan pintas untuk perubahan sosial yang sebenar. ##

Parti Sosialis Malaysia (PSM) mengemukakan permohonan untuk didaftarkan sebagai sebuah parti politik secara rasminya pada 30 April 1998, tetapi hanya mendapat pendaftaran selepas 10 tahun, iaitu pada bulan Ogos 2008. Pendaftaran PSM adalah suatu perjuangan yang berpanjangan, di mana PSM menjadi parti politik yang pertama di Malaysia mencabar Menteri Dalam Negeri dalam mahkamah. Selepas kalah di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan, PSM akhirnya berjaya mendapat pendaftaran sebelum kes didengar di Mahkamah Persekutuan pada tahun 2008. Kempen untuk mendapatkan sokongan bagi pendaftaran PSM telah dijalankan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Oleh sebab PSM tidak dibenarkan pendaftarannya sebagai parti politik secara rasmi untuk tempoh masa 10 tahun selepas penubuhannya, PSM terpaksa meminjam logo parti lain untuk bertanding dalam Pilihanraya Umum (PRU) pada tahun 1999, 2004 dan 2008. Pada tahun 2013 pula, PSM menggunakan logo PKR berasaskan satu persetujuan dengan pimpinan tertinggi parti tersebut.

## Pilihanraya 1999

Pada tahun 1999, PSM hanya ingin bertanding untuk satu kerusi sahaja, iaitu kerusi Parlimen Subang. PSM telah menyatakan hasrat ini kepada parti-parti pembangkang seperti DAP, PAS, Parti Keadilan Nasional (yang kemudiannya menukar nama menjadi PKR) dan PRM seawal 1 Julai 1999. Kerusi tersebut ditawarkan oleh Lim Kit Siang kepada Dr. Nasir Hashim. Kit Siang pada awalnya menawarkan Dr. Nasir untuk menjadi ahli DAP, tetapi Dr. Nasir menolak; kemudiannya Kit Siang setuju meminjam logo DAP kepada PSM untuk pilihanraya tersebut.

Namun, pada 24 Oktober 1999, PSM mendapat berita mengejut bahawa kerusi Parlimen Subang ditawarkan kepada Irene Fernandez daripada Parti Keadilan Nasional untuk memenuhi kuota calon beretnik India. PSM berusaha untuk berunding sampai saat-saat terakhir namun tidak berhasil. Pada hari penamaan calon, selepas PSM menyerahkan borang penamaan, PSM akhirnya menarik diri daripada bertanding untuk kerusi tersebut dan memberi laluan kepada Irene Fernandez bagi mengelakkan situasi pertandingan tiga penjur.

Sementara itu, Lim Kit Siang menawarkan PSM untuk bertanding di kawasan Sungai Siput dengan menggunakan logo DAP. PSM bersetuju untuk meminjam logo DAP pada masa itu. Lim Kit Siang juga berkata bahawa sekiranya PSM didaftarkan, PSM boleh menggunakan logo sendiri.

Pilihanraya 1999 merupakan kali pertama PSM bertanding dalam pilihanraya. PSM telah mengemukakan manifesto sendiri di samping



# Sepintas lalu sejarah PSM pinjam logo parti lain dalam pilihanraya umum

menggunakan juga manifesto Barisan Alternatif. PSM juga menerangkan dalam risalah yang diedarkan bahawa calon PSM bertanding menggunakan logo DAP.

## Pilihanraya 2004

Selepas Pilihanraya 1999, PSM membuka pusat khidmat di Sungai Siput, seperti yang dijanjikan oleh calon PSM, Dr. Jeyakumar Devaraj, kepada pengundi Sungai Siput semasa pilihanraya. DAP tidak senang dengan PSM membuka pusat khidmat di Sungai Siput. Oleh itu, semasa Pilihanraya 2004, DAP mengemukakan syarat bahawa Dr. Jeyakumar perlu menjadi ahli DAP sekiranya beliau mahu bertanding di Sungai Siput. Dr. Jeyakumar tidak bersetuju, maka DAP tidak lagi meminjam logonya kepada PSM.

Oleh yang demikian, PSM memilih untuk meminjam logo PKR semasa Pilihanraya 2004. PSM mengadakan mesyuarat dengan pimpinan PKR, termasuk Wan Azizah, Presiden PKR. Pimpinan PKR bersetuju untuk PSM bertanding di 4 kawasan, iaitu 2 kawasan Parlimen (Sungai Siput dan Subang) dan 2 kawasan DUN (Jalong di bawah Sungai Siput Perak, dan Bukit Lanjan di bawah Subang Selangor). PSM bertanding di 4 kawasan tersebut dengan logo PKR, dan DAP bertanding tiga penjur dengan PSM dalam 3 daripada 4 kawasan tersebut. Dalam pilihanraya tersebut, terdapat banyak kawasan di mana DAP dan PKR bertanding melawan sesama diri.

Semasa Pilihanraya 2004, di negeri Perak, berlakunya pertandingan tiga penjur di semua kerusi yang ditandingi DAP dan PKR. DAP mendapat undi yang lebih tinggi berbanding PKR dan calon PKR hilang deposit di kebanyakan kawasan yang ditandinginya. Namun, terdapat 2 kawasan di Perak di mana undi untuk PKR lebih tinggi daripada DAP, iaitu kawasan Sungai Siput dan Jalong yang ditandingi calon PSM. Malah di Sungai Siput, calon DAP hilang depositnya.

Di Bukit Lanjan pula, calon DAP hilang kelayakan untuk bertanding pada hari penamaan calon kerana tidak membawa wang desposit.

Calon PSM berjaya meraih lebih banyak undi kerana kerja-kerja akar umbi yang dilakukannya di kawasan tersebut. Oleh itu, undi untuk PKR lebih tinggi berbanding DAP di kawasan di mana calon PSM bertanding, berbanding kawasan yang lain.

## Pilihanraya 2008

Dalam Pilihanraya 2008, PSM bersetuju untuk menukar kerusi DUN Bukit Lanjan dengan kerusi

DUN Semenyih, dan kerusi Parlimen Subang dengan kerusi DUN Kota Damansara. PSM juga memutuskan untuk menukar kerusi DUN Jalong dengan kerusi DUN Jelapang. PKR bersetuju meminjam logonya untuk PSM bertanding di 4 kerusi sekali lagi. Pada awalnya, PSM diberitahu bahawa parti-parti pembangkang utama tiada masalah dengan itu, tetapi pada saat-saat terakhir, PSM diberitahu bahawa Jelapang ialah kerusi DAP. Mereka berkata bahawa pimpinan DAP akan berunding dengan PSM tetapi perkara itu tidak pernah berlaku. PKR juga berkata mereka tidak boleh memberikan watak untuk calon PSM di Jelapang, maka PSM terpaksa bertanding sebagai calon bebas di Jelapang.

PSM menang kerusi Parlimen Sungai Siput dan DUN Kota Damansara dalam Pilihanraya 2008. Kerusi Parlimen Sungai Siput, dimenangi Dr. Jeyakumar Devaraj, calon PSM yang bertanding untuk kali ketiga pada masa itu, menewaskan Samy Vellu, seorang Menteri kanan dan penyandang ahli parlimen kawasan itu untuk 8 penggal berturut-turut; sementara kerusi DUN dimenangi Dr. Nasir Hashim, Pengerusi PSM.

PSM mendapat pendaftaran pada tahun 2008, selepas PRU-12. PSM juga mendapat kelulusan daripada SPR untuk menggunakan logo tangan PSM dalam pilihanraya, walaupun SPR cuba memberi alasan yang tidak masuk akal untuk tidak meluluskan logo PSM pada awalnya.

Selepas 10 tahun dinafikan pendaftaran dan terpaksa bertanding dalam pilihanraya dengan logo parti yang lain, PSM memang teruja kerana akhirnya dapat bertanding dalam pilihanraya menggunakan logo sendiri. Pada 17 Oktober 2008, dalam satu acara menyambut kemenangan dalam perjuangan mendapatkan pendaftaran PSM, Lim Kit Siang dalam ucapannya mengalukan pendaftaran PSM, dan berkata bahawa PSM akan memperkuat kuasa politik sekular dalam Pakatan Rakyat.

## Pilihanraya 2013

Sejak PSM didaftarkan secara rasmi, dan juga berikutan keputusan yang dibuat oleh ahli PSM dalam Kongres Nasional, PSM telah menulis banyak surat kepada Pakatan Rakyat untuk menyatakan hasrat untuk bekerjasama dan juga memohon untuk menyertai Pakatan Rakyat. Namun, Pakatan Rakyat tidak pernah memberi jawapan yang jelas kepada



PSM, sehingga Parlimen dibubarkan pada tahun 2013. Jadi, PSM tidak pernah menjadi anggota Pakatan Rakyat dan bukan juga anggota Pakatan Rakyat semasa Pilihanraya 2013.

Sebelum berlangsungnya PRU-13, PSM akhirnya dapat bertemu dan berbincang dengan Anwar Ibrahim selepas Parlimen dibubarkan pada 3 April 2013. Perjumpaan tersebut berlangsung di Ibupejabat PKR pada 13 April 2013. Mesyuarat tersebut dihadiri Anwar Ibrahim, Tian Chua dan Xavier Jayakumar yang mewakili PKR, sementara PSM diwakili oleh Dr. Nasir Hashim, Dr. Jeyakumar Devaraj dan S. Arutchelvan (Setiausaha Agung PSM pada masa itu).

Dalam mesyuarat tersebut, Anwar Ibrahim meminta PSM menggunakan logo PKR. PSM menyatakan hasratnya bahawa hanya akan bertanding untuk 4 kerusi yang ditandingi sebelum itu. Namun, Anwar berkata bahawa beliau hanya boleh memberi kepastian untuk 3 kerusi di bawah kuota PKR dan menyuruh PSM berbincang dengan DAP tentang kerusi DUN Jelapang. Anwar meminta bahawa PSM menggunakan logo PKR hanya untuk pilihanraya, dan PSM boleh menggunakan logo sendiri secara bebasnya selepas pilihanraya. Anwar menjelaskan bahawa logo PKR hanya perlu ada dalam kertas undi, dan PSM boleh terus mengikibarkan bendera di kawasan yang ditandingi PSM. Sekiranya PSM menang lagi, wakil rakyat PSM boleh angkat sumpah sebagai PSM bukannya PKR. PSM telah meminta tempoh masa 3 hari untuk memberi maklum balas kerana PSM perlu berbincang dengan ahli-ahlinya.

PSM amat mementingkan demokrasi dalam parti. Pimpinan PSM tidak boleh membuat keputusan yang melanggar keputusan prinsip yang telah dibuat secara bersama dalam Kongres Parti, dan perlu berbincang semula dengan ahli-ahli sekiranya terdapat perubahan dalam keputusan. Sejurus pertemuan dengan Anwar, PSM telah memanggil satu mesyuarat nasional yang khas pada 15 April 2013 dan dihadiri oleh perwakilan dari semua cawangan parti. Ahli-ahli PSM telah memutuskan dalam mesyuarat tersebut bahawa boleh menggunakan logo PKR.

(sambung di m/s 7)

# 1% orang terkaya kuasai 82% kekayaan



1% orang terkaya di dunia menguasai 82% kekayaan yang dicipta dalam tahun lalu, sementara separuh rakyat yang termiskin di dunia tidak mendapat apa-apa daripada kekayaan yang dicipta ini. Beginilah fakta yang didedahkan dalam laporan terbaru Oxfam yang diterbitkan bersempena dengan persidangan tahunan Forum Ekonomi Dunia yang diadakan pada 23-26 Januari di Davos, Switzerland.


Oxfam merupakan sebuah badan amal bukan kerajaan yang banyak fokus pada isu kemiskinan dunia. Dalam laporan yang terbarunya, didapati 42 orang terkaya di dunia memiliki

kekayaan yang bersamaan dengan separuh penduduk dunia yang termiskin, iaitu 3.7 billion orang.

Antara Mac 2016 hingga Mac 2017, adanya seorang menjadi hartawan dengan kekayaan melebihi USD 1 bilion setiap dua hari, tetapi pada masa yang sama kekayaan untuk separuh penduduk dunia yang termiskin tidak bertambah langsung.

Ini menunjukkan trend dunia yang semakin tidak samarata masih berterusan dan menjadi lebih teruk lagi.

Oxfam mengatakan bahawa situasi di mana segelintir kecil orang kaya mengumpul kekayaan yang terlampau banyak sedangkan ratusan juta orang masih bersusah payah untuk hidup dengan pendapatan garis




kemiskinan, adalah sesuatu yang tidak boleh diterima. Oxfam menyeru pada pemimpin dunia supaya mengambil tindakan konkrit, bukannya retorik kosong, dalam menggubal dasar untuk menangani pengelakan cukai dan meningkatkan gaji pekerja.

Pertumbuhan pesat dalam pasaran saham dunia merupakan sebab utama peningkatan dalam kekayaan untuk mereka yang memegang aset kewangan yang banyak pada tahun 2017. Jeff Bezos, pengasas Amazon, telah menikmati peningkatan

kekayaannya sebanyak USD 6 bilion dalam tempoh 10 hari pertama tahun 2017, tanpa apa-apa usaha menghasilkan perkara yang berguna untuk masyarakat, tetapi hanya kerana peningkatan nilai saham di pasaran kewangan Wall Street.

Oxfam juga melaporkan bahawa kekayaan golongan hartawan meningkat sebanyak 13% secara purata setiap tahun dari tahun 2006 hingga 2015. Daripada 2,043 orang hartawan dengan kekayaan melebihi USD 1 bilion, 90% adalah lelaki.

Sudah tibanya masa kita mengubah sistem ekonomi dunia yang semakin hari semakin menjana lebih ketidaksamarataan pada hari ini. Pengaruh hebat korporat dalam proses membuat keputusan, penghakisan hak pekerja dan usaha mengurangkan kos untuk memaksimumkan keuntungan korporat, sedang membawa dunia kita ke arah kehancuran. Kita perlu bertindak sekarang sebelum terlambat. ##



(sambung dari m/s 6)

Namun, malangnya sekali, walaupun Anwar Ibrahim memberikan janji, PSM kemudiannya dinafikan kerusi DUN Semenyih kerana Azmin Ali tidak bersetuju dengan keputusan Anwar memberikan kerusi tersebut kepada PSM. PSM tiada pilihan lain di Semenyih kecuali terpaksa bertanding dengan logo PSM sendiri, dan Anwar Ibrahim sendiri berkata beliau tidak dapat buat apa-apa tentang Semenyih tetapi berharap PSM dapat bertanding secara mesra dengan calon PKR di Semenyih.

Di kawasan DUN Kota Damansara, walaupun PSM bertanding menggunakan logo PKR, PAS yang merupakan komponen parti dalam Pakatan Rakyat pada masa itu masih meletakkan calon untuk bertanding melawan Dr. Nasir. Hanya di kawasan Parlimen Sungai Siput, PSM melawan satu sama satu dengan calon BN.

Di kawasan DUN Jelapang, walaupun DAP menang kerusi tersebut pada tahun 2008, tetapi ADUN DAP Jelapang pada masa itu, Hee Yit Foong, telah berpaling tadah dan menyebabkan kerajaan negeri Perak jatuh kembali dalam tangan BN pada tahun 2009. Bayangkanlah jika calon PSM yang menang kerusi Jelapang pada tahun 2008, tidak mungkin ADUN

PSM yang berpegang kuat pada mandat rakyat akan berpaling tadah.

Semasa Pilihanraya 2013, PSM juga pernah melakukan usaha untuk mengelakkan pertandingan tiga penjurong di Jelapang, dengan mencadangkan supaya memberi peluang kepada rakyat Jelapang untuk memutuskan calon pembangkang yang sesuai. PSM menawarkan untuk mendapatkan kumpulan bebas seperti BERSIH atau Asalkan Bukan UMNO (ABU) untuk mengadakan rapat umum dengan penduduk Jelapang untuk menilai siapa yang lebih sesuai sebagai calon pembangkang, dan jika majoriti rakyat memilih calon DAP, maka PSM akan tarik diri. Namun begitu, DAP langsung tidak berminat untuk mengambil cabaran tersebut.

## PSM akan bertanding dalam PRU-14 dengan logo sendiri

Sekarang pada tahun 2018, sekali lagi diberitakan bahawa PSM hanya boleh bertanding satu kerusi dan satu-satunya kerusi yang ditandingi PSM itu pun perlu menggunakan logo PKR. Tidak lama lagi, kita akan mendengar propaganda daripada

sesetengah pihak bahawa Pakatan Harapan telah bersungguh-sungguh untuk "membenarkan" PSM bertanding untuk hanya satu kerusi dalam PRU-14 akan datang, dan kononnya PSM yang begitu angkuh dalam menuntut untuk bertanding lebih kerusi. PSM akan dilemparkan dengan pelbagai tuduhan seperti "makan dedak Najib" dan sebagainya, serta dipersalahkan kerana mewujudkan pertandingan pelbagai penjurong.

Perlu diingatkan bahawa, PSM tidak pernah menyertai Pakatan Rakyat sebelum ini dan Pakatan Harapan ditubuhkan, PSM tidak pernah dijemput untuk menyertainya dan tidak pernah dijemput untuk rundingan kerusi.

Sebagai sebuah parti politik yang berdaftar dan bukannya parti komponen mana-mana gabungan parti, PSM memang tidak memerlukan "kebenaran" daripada mana-mana parti untuk bertanding dengan menggunakan logo sendiri. Namun, atas semangat menjatuhkan rejim UMNO-BN yang penuh dengan kepincangan, PSM sentiasa terbuka dengan kerjasama untuk menuju ke arah tersebut.

PSM akan bertanding dalam PRU-14 dengan logo sendiri. PSM hanya berharap pemimpin Pakatan Harapan seperti Anwar Ibrahim dapat menepati janji seperti yang dibuat dalam pilihanraya yang lepas untuk "membenarkan" PSM bertanding dengan logo sendiri. ##





# Siri pengenalan tentang perjuangan PSM (1)

## PSM berjuang bersama rakyat

### PSM lahir dari perjuangan rakyat

Parti Sosialis Malaysia (PSM) ditubuhkan pada tahun 1998, oleh aktivis-aktivis yang bergiat dalam gerakan perjuangan rakyat marhaen. Aktivis-aktivis daripada kumpulan masyarakat seperti Suara Warga Pertiwi (SWP), Alaigal dan Pusat Pembangunan Masyarakat (CDC), yang telah terlibat dalam perjuangan masyarakat ladang dan peneroka bandar bertahun-tahun lamanya, telah membentuk satu jaringan dan menganjurkan aksi Hari Pekerja 1994, satu aksi jalanan sambutan hari bersejarah bagi golongan pekerja yang berlangsung untuk pertama kalinya selepas dua dekad pada masa itu. Jaringan gerakan rakyat tersebut kemudiannya berkembang dan akhirnya berputus untuk menubuhkan PSM, sebuah parti politik yang memperjuangkan kepentingan kelas



pekerja dan rakyat marhaen.

PSM bertekad untuk memperjuangkan keadilan sosial dan demokrasi sejati, demi membebaskan rakyat daripada segala bentuk penindasan dan membina sebuah masyarakat yang benar-benar sejahtera untuk semua.

### 10 tahun perjuangan untuk pendaftaran



Walaupun PSM ditubuhkan pada tahun 1998, tetapi ia mengambil tempoh masa 10 tahun untuk mendaftarkan PSM sebagai sebuah parti politik yang sah untuk bertanding dalam pilihanraya. Walaupun tidak dibenarkan untuk didaftarkan pada awalnya, aktivis PSM tidak berputus asa dalam memperjuangkan pendaftaran parti di samping meneruskan usaha memperjuangkan isu-isu rakyat. PSM merupakan parti politik pertama di Malaysia mencabar Menteri Dalam Negeri dan Kerajaan Malaysia dalam mahkamah kerana dinafikan pendaftaran. Dengan kempen menuntut kebebasan berserikat yang mendapat sokongan hebat dari dalam dan luar negara, PSM akhirnya didaftarkan pada tahun 2008.

### Memperjuangkan isu rakyat



Sejak penubuhan pada tahun 1998, PSM terlibat dalam pelbagai perjuangan di peringkat kawasan tempatan dan juga nasional, termasuk melawan pengusiran paksa, memperjuangkan hak perumahan, menuntut pelaksanaan akta gaji minimum, membantah cukai GST, menentang penswastan hospital, menuntut penubuhan tabung pemberhentian kerja, menuntut pemuliharaan pilihanraya tempatan, menegakkan hak asasi rakyat dan sebagainya.

Penglibatan PSM dalam memperjuangkan isu-isu rakyat ini, bertujuan bukan sahaja mempertahankan hak dan kesejahteraan rakyat daripada ancaman kerakusan golongan atasan, tetapi juga untuk memperkasakan rakyat bawahan supaya rakyat itu sendiri dapat memperjuangkan kepentingan bersama masyarakat dan membawa perubahan yang sebenar.

### Melawan penindasan


PSM sentiasa berada pada pihak golongan yang tertindas dalam perjuangan menentang segala bentuk pmerasan dan penindasan.

PSM bersama dengan masyarakat peneroka bandar dalam perjuangan melawan pengusiran paksa, bersama dengan pekerja dalam perjuangan menuntut pelaksanaan gaji minimum, bersama dengan petani dalam mempertahankan hak bercucuk tanam, bersama dengan masyarakat Orang Asli dalam mempertahankan hak tanah adat, bersama dengan rakyat biasa dalam membantah cukai GST yang memiskinkan rakyat...

Percanggahan utama dalam masyarakat kita adalah kelas kapitalis yang mengejar keuntungan sentiasa memeras dan menindas rakyat bawahan. Kita perlu membina kuasa rakyat dari bawah untuk mengatasi percanggahan ini.

PSM sebagai sebuah parti yang memperjuangkan aspirasi rakyat bawahan, bukanlah menjadi segolongan elit yang terpisah daripada rakyat biasa, tetapi sentiasa bersama rakyat - berbincang bersama-sama, membuat keputusan secara bersama-sama, bergerak bersama-sama, berjuang bersama-sama dan menang kalah bersama-sama.

### Parti pertama semua calonnya isytihar harta



PSM merupakan parti politik yang pertama di Malaysia di mana semua calonnya yang bertanding dalam pilihanraya mengisytihar harta. PSM mula mengambil bahagian dalam Pilihanraya Umum 1999. Sejak itu, semua calon PSM yang bertanding dalam pilihanraya akan mengisytihar harta.

PSM juga menjadi parti politik yang pertama di Malaysia di mana wakil rakyatnya (ahli parlimen, ADUN dan ahli majlis tempatan) mengisytihar harta setiap tahun selagi masih memegang jawatan tersebut. Dr. Jeyakumar Devaraj, Ahli Parlimen PSM untuk kawasan Sungai Siput,

telah mengisytihar hartanya untuk 10 tahun berturut-turut, sejak menang dalam pilihanraya pada tahun 2008, sesuatu yang tidak pernah dilakukan oleh ahli-ahli parlimen yang lain.

Selain pengisytiharan harta, wakil rakyat PSM juga akan membentangkan kad laporan prestasi kerja setiap tahun.

Pengisytiharan harta adalah salah satu langkah penting untuk membawa amalan ketelusan dalam politik dan juga membolehkan masyarakat umum memantau serta memastikan wakil rakyat mereka tidak mempergunakan kedudukannya untuk mengkayakan diri sendiri.

(sambung di m/s 9)





(sambung dari m/s 8)

## Menentang ketidakadilan

PSM sentiasa berjuang di sisi rakyat biasa dalam usaha bersama menentang ketidakadilan sosial.

Ketidakadilan sosial wujud kerana sistem kapitalis yang mengutamakan keuntungan korporat. Perlumbaan untuk mengaut keuntungan sebanyak mungkin telah menyebabkan kekayaan masyarakat semakin terumpu dalam tangan segelintir kecil golongan maha kaya, sedangkan rakyat biasa terus terhimpit dalam kehidupan yang penuh dengan tekanan dan penderitaan akibat kemiskinan.

Dasar-dasar kerajaan yang



membiarkan perluasan kuasa dan pengaruh korporat, telah menyebabkan hak rakyat tergadai, sumber alam digondol dan kekayaan masyarakat yang dicipta rakyat biasa dikuasai oleh golongan pemerintah. Apabila cukai terhadap golongan kaya semakin dikurangkan, rakyat biasa dibebankan dengan cukai regresif seperti Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST). Golongan pekerja terus ditekan dengan gaji yang rendah, rakyat biasa dibelenggu oleh kos hidup yang semakin tinggi, pada masa yang sama pula golongan mahakaya dapat menyeludup dan menyembunyi kekayaan mereka yang diperas melalui sistem ekonomi yang tidak adil ini di tempat berlindung cukai di luar negara.

Segala ketidakadilan sosial yang disebabkan oleh sistem kapitalis yang penuh dengan kepincangan ini perlu ditentang habis-habisan dan digantikan dengan susunan masyarakat yang mengutamakan keadilan sosial dan kesejahteraan semua rakyat. Ini hanya dapat dilakukan dengan membina kuasa rakyat melalui organisasi massa yang mampu meningkatkan kesedaran kelas dan menyatukan kekuatan akar umbi dari bawah. PSM komited untuk membina kuasa rakyat ini secara bersama dengan rakyat akar umbi.

## Tolak penswastaan

Kemudahan asas dan perkhidmatan awam (seperti pendidikan, kesihatan, pengangkutan awam dan sebagainya) merupakan hak asasi untuk semua rakyat. Adalah menjadi tanggungjawab kepada mana-mana kerajaan yang mengutamakan rakyat untuk menyediakan perkhidmatan awam kepada rakyat jelata.

Namun, disebabkan dorongan daripada fahaman ekonomi neoliberal yang menganggap bahawa pasaran bebas dan badan korporat adalah lebih efisien dalam segala perkara, kerajaan telah menswastakan perkhidmatan awam satu demi satu kepada badan korporat ataupun sektor swasta. Di Malaysia, penswastaan juga melibatkan usaha mengayak golongan kroni yang rapat dengan pemimpin negara atau parti pemerintah. Bekalan elektrik, air, telekomunikasi dan sebagainya telah diswastakan atau dikorporatkan.

Mari kita lihat pada contoh perkhidmatan kesihatan di negara kita. Penswastaan perkhidmatan sokongan di hospital kerajaan, sebenarnya tidak menjimatkan kos seperti didakwa oleh penyokong penswastaan, sebaliknya kerajaan perlu membayar lebih kepada syarikat kroni, sementara jaminan pekerja perkhidmatan sokongan di hospital kerajaan telah dihapus dengan hebatnya. Pertumbuhan hospital swasta yang bermotifkan keuntungan, juga mengakis kualiti perkhidmatan hospital awam, kerana doktor-doktor pakar di hospital kerajaan telah ditarik ke hospital swasta.

PSM telah menggerakkan kempen membantah penswastaan kesihatan awam melalui Gabungan Membantah Penswastaan Perkhidmatan Kesihatan (GMPPK).

Kesihatan, pendidikan, bekalan air, bekalan elektrik, pengangkutan awam, perumahan dan sebagainya merupakan keperluan asas masyarakat kita dan hak asasi rakyat. Kemudahan asas ini tidak boleh dijadikan komoditi yang diniagakan untuk menjana keuntungan bagi golongan korporat. Hak asasi rakyat bukan untuk dijual.

Akibat daripada penswastaan, rakyat biasa terpaksa membayar lebih banyak untuk mendapatkan hak asasinya. Rakyat biasa yang berpendapatan rendah dibebankan dengan bayaran untuk "menebus kembali" hak asasinya, sedangkan golongan mahakaya dapat menjadi lebih kaya apabila kerajaan mengurangkan cukai ke atas mereka selepas kemudahan asas diswastakan.

Penswastaan bukan sahaja menggadaikan hak asasi rakyat, malah juga melebarkan lagi jurang antara yang miskin dengan yang kaya. Hak rakyat bukan untuk dijual! Hentikan penswastaan!

PSM menolak penswastaan yang meniagakan hak rakyat. PSM menuntut supaya memiliknegerakan semula secara berperingkat perkhidmatan asas yang telah diswastakan.

## Pengagihan kekayaan secara saksama

Ketidakadilan sosial yang ditunjukkan melalui fenomena jurang kekayaan antara yang kaya dengan yang miskin semakin melebar, merupakan masalah pokok dalam masyarakat kita hari ini. Jurang antara yang kaya dengan yang miskin yang semakin melebar, mendatangkan lagi pelbagai masalah sampingan seperti peningkatan dalam kadar jenayah, tekanan kehidupan dan sebagainya.

Jurang kekayaan wujud kerana pengagihan kekayaan masyarakat yang tidak adil. Ketidakadilan dan ketidaksaksamaan dalam pengagihan kekayaan pula disebabkan daripada sistem ekonomi kapitalis yang hanya mengutamakan keuntungan golongan kapitalis (pemodal) dan korporat. Proses pengumpulan modal dengan cara mengejar keuntungan tanpa mengira akibatnya, telah menyebabkan kekayaan masyarakat ditumpukan dalam tangan segelintir kecil golongan mahakaya.

Kekayaan masyarakat dihasilkan oleh tenaga buruh yang kebanyakannya daripada masyarakat bawahan dan kelas menengah, tetapi yang membolot sebahagian besar kekayaan ini adalah golongan pemodal yang sebenarnya tidak mengeluarkan apa-apa benda yang berguna kecuali krisis ekonomi. Krisis ekonomi timbul dari masa ke semasa, bukannya kerana kekayaan masyarakat yang dicipta tenaga buruh rakyat biasa itu tidak mencukupi, tetapi oleh sebab wujudnya kelebihan dalam pengeluaran masyarakat sehingga

golongan kapitalis tidak tahu lagi bagaimana melaburkan modal mereka dalam perkara-perkara yang berguna untuk masyarakat, sedangkan sebahagian besar rakyat biasa yang tidak memiliki sumber pengeluaran masih hidup susah.

Golongan kapitalis dan mereka yang mahakaya menyembunyikan kekayaan mereka di tempat berlindung cukai, sehingga memburukkan lagi masalah pengagihan kekayaan yang tidak adil. Yang kaya menjadi semakin kaya, yang miskin terus miskin – inilah akibat sistem ekonomi yang hanya mengutamakan keuntungan dan kepentingan golongan korporat.

Kita perlu menutup jurang antara yang kaya dengan yang miskin, melalui sistem percukaian yang adil dan progresif. Golongan mahakaya ataupun 1% teratas perlu membayar cukai dengan kadar yang lebih tinggi. Sementara itu, kerajaan perlu memperuntukkan lebih banyak dana untuk menyediakan dan mempertingkatkan perkhidmatan awam seperti pendidikan, kesihatan, pengangkutan awam dan sebagainya.

Hanya dengan sistem percukaian yang progresif dan perlindungan sosial yang menyeluruh, kita dapat membina sebuah masyarakat yang lebih maju, makmur dan sejahtera untuk semua.

PSM memperjuangkan pengagihan kekayaan masyarakat secara saksama! Marilah kita bersama-sama membina kuasa rakyat menuju ke arah sebuah masyarakat yang lebih adil.

## Gaji mampu sara hidup

PSM bersama dengan Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT) telah mengadakan kempen menuntut pelaksanaan Akta Gaji Minimum mulai tahun 2003. Satu kempen tandatangan kad tuntutan telah diadakan di seluruh negara dan berjaya mengutip puluhan ribu tandatangan sokongan untuk pelaksanaan Akta Gaji Minimum. Aksi massa protes dan penyerahan kad tuntutan telah diadakan pada tahun 2006. Hasil desakan demi desakan daripada pelbagai pihak, termasuk PSM, JERIT, organisasi pekerja dan kesatuan sekerja, akhirnya kerajaan melaksanakan gaji minimum yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2013. Gaji minimum pada asalnya hanya RM 900 untuk Semenanjung Malaysia dan RM 800 untuk Sabah dan Sarawak. PSM telah menuntut supaya gaji minimum diselaraskan bersesuaian dengan kos hidup.

PSM juga menyediakan talian hotline gaji minimum untuk pekerja membuat aduan sekiranya majikan tidak membayar mengikut gaji minimum dan memanjangkan aduan tersebut



kepada Kementerian Sumber Manusia. PSM merupakan satu-satunya parti di Malaysia yang menyediakan talian khidmat untuk pekerja mengadu tentang isu gaji.

Pada takat ini, PSM menuntut pada kerajaan supaya meningkatkan gaji minimum kepada RM 1500.

Pekerja telah menyumbangkan tenaga secara fizikal dan mental di samping mengorbankan masa keemasannya untuk menjana ekonomi negara. Pekerja layak mendapat gaji yang mampu sara hidup dan bermaruah.

(bersambung dalam edisi akan datang)

# Kenapa gaji minimum perlu ditetapkan RM 1500?

Wakil daripada Parti Sosialis Malaysia (PSM) dan Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT) telah hadir di Kementerian Sumber Manusia di Putrajaya, pada 15 Januari lalu untuk bermesyuarat dengan Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji. Wakil PSM dan JERIT telah memberi input di samping menyerahkan semua statistik dan kiraan berkaitan dengan penghujahan untuk menaikkan gaji minimum ke RM 1500 kepada Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji yang terletak di bawah Majlis Perundingan Gaji Negara.

Yang hadir dalam mesyuarat tersebut termasuk Sivaranjan Arumugam (Setiausaha Agung PSM), Dr. Jeyakumar Devaraj (Ahli Parlimen Sungai Siput dan AJK Pusat PSM), Soh Sook Hwa (Bendahari PSM), Sharan Raj (Pemuda PSM) dan M. Sivaranjani (Penyelaras JERIT).

PSM telah menyerahkan satu memorandum kepada Kementerian Sumber Manusia pada 29 November lalu, dengan tuntutan menaikkan gaji minimum ke RM 1500. Rasional untuk menaikkan paras gaji minimum kepada RM 1500 telah digariskan dalam memorandum tersebut, antaranya: produktiviti sebenarnya telah meningkat sedangkan peningkatan gaji

tidak setimpal; gaji untuk eksekutif pengurusan melambung tinggi tetapi gaji pekerja bawahan tidak berubah; peningkatan gaji minimum sebagai langkah mengurangkan jurang pendapatan; keperluan untuk meningkatkan permintaan agregat; kos sara hidup yang meningkat; kurangkan hutang isi rumah; jaminan simpanan dan sekuriti sosial untuk golongan pekerja.

## Gaji minimum hasil perjuangan berpanjangan

Polisi gaji minimum diperkenalkan di Malaysia pada tahun 2012 selepas lebih 20 tahun perjuangan oleh pelbagai kumpulan pekerja seperti Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT), Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Parti Sosialis Malaysia (PSM) dan kumpulan-kumpulan lain. Akhirnya, mulai Januari 2013, Gaji Minimum ditetapkan pada RM 900 bagi Semenanjung Malaysia dan RM 800 di Sabah dan Sarawak. Sebenarnya pihak PSM mencadangkan kadar gaji minimum RM 900 ini pada tahun 2002, iaitu mengikut parameter penentu pada ketika itu, tetapi ianya hanya diperkenalkan 11 tahun kemudian. Kerajaan telah memulakan



pelaksanaan Gaji Minimum dengan paras yang rendah.

Pada tahun 2015, iaitu tahun penyesuaian semula gaji minimum, PSM telah menyerahkan cadangan amaran baru untuk gaji minimum, iaitu RM1,500 sebulan selaras dengan kos sara hidup.

Tetapi, Majlis Perundingan Gaji Negara tidak mempertimbangkan cadangan PSM, dan gaji minimum hanya dinaikkan ke RM 1000, iaitu kenaikan RM 100 sahaja di

Semenanjung Malaysia dan RM 920, kenaikan RM 120 sahaja di Sabah dan Sarawak. Penguatkuasaan gaji minimum baru ini juga ditangguhkan hingga bulan Julai 2016.

Berikutan ini, PSM mengadakan mesyuarat dengan Majlis Perundingan Gaji Negara pada 29 November 2017, dan bersama dengan Jawatankuasa Teknikal Gaji Minimum pada 15 Januari lalu untuk mengemukakan justifikasi PSM bagi Gaji Minimum RM 1500.

## Justifikasi untuk Gaji Minimum RM 1500

### 1. Gaji minimum sebenarnya lebih tinggi jika dikira menggunakan kadar kemiskinan relatif

Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji menggunakan formula berikut dalam pengiraan gaji minimum:

$$GM = \text{PRT} \left( \frac{\text{PGK} + \text{GAJI PENENGAH}}{\text{PURATA PEKERJA SETIAP ISI RUMAH}} \right) \times \left[ 1 + \left( \frac{P}{100} \right) + \left( \frac{CPI}{100} \right) + \left( \frac{UE}{100} \right) \right]$$

di mana

- GM = Gaji minimum (RM)  
 PGK = Pendapatan garis kemiskinan (RM)  
 P = Pertumbuhan produktiviti (%)  
 CPI = Indeks Harga Pengguna (perubahan %)  
 UE = Kadar pengangguran (%): kadar pengangguran benar tolak kadar pengangguran semula jadi (4%)  
 i = Wilayah

Dalam formula ini, pendapatan garis kemiskinan (PGK) yang digunakan oleh Kerajaan adalah sangat rendah dan tidak menggambarkan kemiskinan sebenar dalam masyarakat pada masa kini.

Dengan menggunakan PGK sedemikian yang ditetapkan oleh kerajaan, tahap gaji yang mungkin akan dicadangkan akan menggunakan pengiraan seperti Jadual 1:

Nota	Semenanjung Malaysia	Sabah	Sarawak	
a	Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)(RM)	980	1,180	1,020
	Purata pekerja dalam isi rumah	1.2	1.2	1.2
b	Gaji Median (RM)	1,703	1,240	1,350
c	Pertumbuhan Produktiviti Buruh (P %)	3.5%	3.5%	3.5%
d	Indeks Harga Pengguna (CPI %)	4.5%	3.6%	3.5%
e	Kadar Pengangguran (UE %)	3.40%	5.40%	3.30%
	<b>GAJI MINIMUM (RM)</b>	<b>1,368</b>	<b>1,175</b>	<b>1,185</b>


Sumber data:  
 a. Statistik Pekerjaan dan Perburuhan 2017, Kementerian Sumber Manusia  
 b. Laporan Penyiasatan Gaji & Upah 2016, DOSM  
 c. Productivity Report 2016/2017, MPC  
 d. Consumer Price Index, October 2017, DOSM  
 e. Labour Force Survey Report 2016, DOSM

Sementara itu, cara pengiraan yang dicadangkan oleh PSM untuk menentukan gaji minimum adalah dengan menggunakan kadar kemiskinan relatif, iaitu 60% daripada pendapatan median isi rumah bulanan.

Lihat gambarajah 1 untuk pendapatan median isi rumah bagi sebulan.

Berdasarkan maklumat ini, pendapatan median isi rumah sebulan di Semenanjung Malaysia adalah RM 5,228 dan 60% daripadanya adalah RM 3,136.

Pengiraan gaji minimum mengikut pendapatan median isi rumah bulanan sebagai kadar kemiskinan adalah seperti jadual 2.



Nota	Semenanjung Malaysia	Sabah	Sarawak	
a	PGK Relatif (RM)	3,136	2,466	2,497
	Purata pekerja dalam isi rumah	1.2	1.2	1.2
b	Gaji Median (RM)	1,200	1,200	1,200
	Pertumbuhan Produktiviti Buruh (P %)	3.5%	3.5%	3.5%
	Indeks Harga Pengguna (CPI %)	4.5%	3.6%	3.5%
	Kadar Pengangguran (UE %)	3.40%	5.40%	3.30%
	<b>GAJI MINIMUM (RM)</b>	<b>2,071</b>	<b>1,720</b>	<b>1,767</b>

Nota:  
 a. Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Relatif adalah 60% daripada Pendapatan Median Isi Rumah Bulanan, seperti digunakan oleh OECD dan negara-negara berpendapatan tinggi yang lain.  
 b. Gaji median RM 1,200 dianggarkan berdasarkan gaji pekerja asas dan pekerja jualan & perkhidmatan sebagai wakil untuk isi rumah B40.

Pengiraan gaji mengikut PGK relatif ini memberi gambaran yang sebenar dan gaji minimum baru harus ditetapkan pada amaun RM 2,071 di Semenanjung, RM 1,720 di Sabah dan RM 1,767 di Sarawak.

Walau bagaimanapun, apa yang dituntut oleh PSM sekarang ini adalah hanya gaji minimum RM1500, dengan mengambilkira dilema Kerajaan bahawa tidak boleh membuat satu lonjakan yang tinggi daripada RM 1,000 yang ditetapkan sekarang.

(sambung di m/s 11)



(sambung dari m/s 10)

## 2. Peningkatan kos sara hidup

PSM telah menjalankan satu kaji selidik bersama 30 orang responden dari 4 buah negeri. Berdasarkan kajian ini,

- 1) Didapati sebanyak 73% pekerja memperolehi pendapatan isi rumah RM 3,000 dan ke bawah.
- 2) Sebanyak 60% pekerja mempunyai perbelanjaan isi rumah melebihi pendapatan yang diterima.
- 3) Sebanyak 33% isi rumah mempunyai hutang untuk menjalankan kehidupan harian.
- 4) Hampir 83% pekerja tidak mempunyai simpanan untuk penggunaan pada masa kecemasan.
- 5) Sebanyak 50% pekerja menggunakan lebih 40% daripada pendapatan mereka untuk perbelanjaan makanan harian. Ini menunjukkan bahawa kesan kenaikan harga barangan memberi impak besar dalam pendapatan.

Secara keseluruhannya, didapati bahawa walaupun 2 orang bekerja dalam satu isi rumah, pendapatan isi rumah masih tidak mencecah RM 3,000, manakala perbelanjaan melebihi pendapatan. Ini menyebabkan pekerja meningkatkan hutang dan menjadi mangsa kepada masalah Ah long.

Segolongan besar pekerja didapati tidak mempunyai simpanan untuk masa kecemasan dan pada hari tua. Menurut Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), hanya 22% pencarum KWSP mempunyai simpanan yang mencukupi untuk menampung persaraan. Ini mewujudkan satu masa depan yang tidak terjamin untuk pekerja. Di Malaysia, hampir 60% pekerja swasta tidak mempunyai skim pencen dan tiada simpanan akibat gaji yang rendah, sehingga mereka akan mati dalam kemiskinan.

Data yang didapati daripada akar umbi menjelaskan pekerja hidup dalam kemiskinan dengan kos kehidupan yang meningkat. Oleh itu, jumlah RM 1,500 sebagai gaji minimum masih satu amaun yang rendah, tetapi ia pasti boleh mengubah keadaan pekerja untuk mengelakkan diri daripada terhumban menjadi miskin tegar.

## 3. Perbandingan dengan gaji minimum negara lain

Kerajaan Malaysia mewar-warkan bahawa gaji minimum di Malaysia adalah antara yang tertinggi di Asia. Tetapi apabila kita membuat perbandingan dengan gaji minimum di negara lain dengan kuasa beli pekerja (PPP), situasi jauh berbeza dan menunjukkan negara kita amat ketinggalan di belakang.

Kuasa beli berdasarkan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) dikenali sebagai "pariti kuasa beli (PPP)". Ini merupakan satu metodologi yang adil untuk membanding gaji minimum antara negara ASEAN.

Sila rujuk jadual di bawah untuk perbandingan gaji minimum antara negara.

Kuasa beli rakyat dengan gaji minimum di Malaysia merupakan yang terendah

di ASEAN kerana pekerja di Malaysia hanya mendapat 10.45% kuasa belinya berbanding pendapatan per kapita. Ramai rakyat biasa terpaksa bersusah payah untuk memenuhi keperluan hidup. Kadar gaji minimum yang rendah berdasarkan pendapatan per kapita nominal menerangkan jurang kekayaan Malaysia yang besar, kerana hanya 29.81% daripada kekayaan negara sampai kepada seseorang pekerja, walhal selanjutnya disimpan majikan.

Berikut adalah beberapa kelebihan dalam menentukan gaji minimum di negara Asia lain berbanding dengan Malaysia:

1. **Indonesia** - Gaji minimum ditentukan setelah mengambilkira 60 komponen makanan dan bukan makanan.

2. **Vietnam** - Setiap tahun debat akan diadakan untuk menentukan gaji minimum pada tahun seterusnya, dan bukan seperti di Malaysia – pelarasan dibuat 2 tahun sekali dan selalunya lambat dilaksanakan.
3. **Laos** – Gaji minimum dinaikkan sebanyak 50% pada tahun 2015 untuk mengurangkan pengaliran buruh ke negara Thailand.
4. **Thailand** – Tidak mempunyai sebarang formula atau mekanisme pengiraan. Walau bagaimanapun, gaji minimum ditentukan berdasarkan kadar upah yang mencukupi bagi seseorang pekerja untuk membangunkan kemahiran untuk membolehkan pekerja tersebut mempunyai mata pencarian yang sesuai dengan keadaan ekonomi dan sosialnya, dan mempunyai taraf hidup yang sepadan dengan keupayaan perniagaan tempatan.

Negara	Pendapatan per kapita (USD)		Pendapatan per kapita bulanan (USD)		Gaji Minimum (USD)	Gaji minimum berbanding pendapatan per kapita bulanan (%)	
	PPP	Nominal	PPP	Nominal		PPP	Nominal
Filipina	7696.00	2991.00	641.33	249.25	301.57	47.02	120.99
Kemboja	3736.00	1228.00	311.33	102.33	140.00	44.97	136.81
Vietnam	6422.00	2164.00	535.17	180.33	166.57	31.12	92.37
Indonesia	11699.00	3636.00	974.92	303.00	250.63	25.71	82.72
Laos	5719.00	1921.00	476.58	160.08	110.34	23.15	68.93
Thailand	16835.00	5662.00	1402.92	471.83	279.74	19.94	59.29
Myanmar	5953.00	1307.00	496.08	108.92	80.28	16.18	73.71
Malaysia	27234.00	9546.00	2269.50	795.50	237.13	10.45	29.81

## 4. Di mana gaji sosialnya?

Kerajaan akan berhujah bahawa gaji minimum pekerja tidak boleh dinaikkan tinggi kerana ianya akan meningkatkan kos bagi majikan. Jika kos untuk majikan bertambah, maka ianya akan disalurkan kepada produk atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh perniagaan tersebut dan inflasi akan meningkat.

Selain itu, Kerajaan juga akan mula risau jika gaji minimum ditingkatkan, kerana ianya akan menjadikan Malaysia tidak menarik lagi untuk para pelabur asing. Pelabur asing yang sentiasa mahu memaksimumkan keuntungan, akan selalu mencari lokasi yang menawarkan gaji minimum yang paling rendah.

Masalahnya adalah, warga pekerja tidak dapat menyokong Kerajaan dalam dua hujah tersebut, kerana pihak Kerajaan yang sepatutnya membantu pekerja dalam menampung kos hidup dengan membayar gaji sosialnya tidak berbuat demikian.

Gaji sosial ialah insentif Kerajaan menjaga kebajikan rakyatnya dengan menawarkan khidmat kesihatan yang percuma, pendidikan sehingga ke peringkat universiti secara percuma, subsidi kemudahan asas dan perumahan yang benar-benar mampu milik dan sebagainya. Dengan adanya perlindungan sosial sedemikian, maka rakyat tidak akan mengalami kemiskinan yang teruk, walaupun gaji minimum pekerja rendah.

Namun kini di Malaysia, Kerajaan ingin mengekang gaji minimum supaya ianya tidak menaikkan kos majikan dan menjadikan Malaysia sebagai tarikan untuk pelabur, dan pada masa yang sama merampas balik semua subsidi yang pernah dinikmati oleh rakyat dulu.

Subsidi kepada pendidikan dikurangkan, maka pentadbiran sekolah dan PIBG terpaksa mencari dana sendiri; kos perubatan naik apabila ubatan dan pembedahan yang disubsidi penuh dikurangkan; subsidi untuk barangan makanan keperluan harian dikurangkan secara berperingkat dan dibiarkan naik turun mengikut harga pasaran; dan banyak lagi contoh subsidi untuk rakyat dipotong.

Rakyat menerima tekanan dari dua belah, apabila gaji ditekan dan kos hidup naik. Jika Kerajaan tidak ingin melindungi rakyat melalui gaji sosial ini, maka gaji minimum haruslah dinaikkan selaras dengan kos hidup yang sebenar.



## Syor PSM

Berdasarkan justifikasi yang dikemukakan, PSM telah mensyorkan bahawa:

1. **Kerajaan menetapkan gaji minimum RM1500 sebulan untuk tahun 2018.**
2. **Majlis Perundingan Gaji Negara harus menggunakan tempoh kitaran setahun bagi menetapkan gaji minimum. ##**

# Gangguan seksual adalah jenayah

oleh Kohila

Pada 16 Januari lalu, portal berita Malaysiakini membongkarkan isu wartawan wanita yang menjadi mangsa gangguan seksual di Parlimen, di mana ada Menteri dan ahli parlimen melakukan gangguan seksual terhadap wartawan wanita semasa mereka menjalankan tugas. Malah terdapat dakwaan bahawa Ketua Pengarang sendiri menggalakkan wartawan wanita tersebut untuk melayani gangguan seksual ini supaya dapat memperolehi berita terkini daripada ahli politik yang terlibat.

Apabila isu ini dibongkarkan, Presiden Kesatuan Wartawan Nasional (NUJ), Mohd Taufek Razak, terus menasihati wartawan wanita untuk memakai pakaian yang tidak menjolok mata dan tidak menggunakan sifat kewanitaan mereka untuk mendapat berita daripada ahli politik. Tetapi, apabila wartawan dan kumpulan wanita mengutuk kenyataan Presiden NUI, satu lagi kenyataan akhbar dikeluarkan NUI pada keesokan hari, dengan pendirian mengutuk pihak yang melakukan gangguan seksual dan menyatakan bahawa kenyataan Mohd Taufek adalah pendapatnya sendiri.

Keadaan sebegini di mana wartawan wanita tiada perlindungan di Parlimen sendiri adalah satu keadaan di mana setiap rakyat Malaysia harus berasa malu dengan diri sendiri. Apakah kita telah mengundi penjenayah dan pelaku jenayah seks sebagai Ahli Parlimen? Sungguh menyedihkan status Parlimen kita sekarang, malah ada pihak yang sanggup mengatakan bahawa adalah kebiasaan untuk lelaki tertarik terhadap wanita. Justifikasi yang sungguh memalukan bagi kaum lelaki yang berakhlak baik.

Persoalan di sini, adakah isu gangguan seksual terhadap wanita oleh pihak berkuasa ini satu perkara baru? Tidak.

Pada tahun 1994, negara dikejutkan dengan kematian atlet negara Rabia Abdul Salam yang telah membunuh diri kerana telah mengalami gangguan seksual oleh pelatihnya C. Ramanathan. Pada masa itu kumpulan wanita dan orang awam telah menuntut pada kerajaan supaya menggubal Akta Anti-Gangguan Seksual supaya penjenayah sebegini boleh didakwa di mahkamah. Namun, kerajaan tidak membuat apa-apa mengenai isu ini dan satu nyawa telah terkorban begitu sahaja. Pada tahun 2008, muncul pula isu Menteri Jamaluddin Jarjis yang telah melakukan gangguan seksual terhadap seorang pekerja wanita di sebuah hotel lima bintang di Kuala Lumpur. Sekali lagi isu ini telah lenyap. Tiada Akta Anti-Gangguan Seksual.

Malah pada tahun 2009, Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja, Ismail Abdul Rahim, telah menyatakan bahawa jika Akta Anti-Gangguan

Seksual digubal, ini akan menyebabkan tempat kerja menjadi sesuatu tempat yang membosankan. Kenyataan ini jelas sekali menunjukkan bahawa mereka yang berkuasa tidak melihat gangguan seksual sebagai pencabulan terhadap kehormatan wanita tetapi sesuatu yang menyeronokkan.

Lebih menaikkan kemarahan adalah Ahli Parlimen seperti Bung Mokhtar Radin (Ahli Parlimen Kinabatangan) dan Mohd Yusof Said (Ahli Parlimen Jasin) yang pernah memperlekehkan kitaran haid wanita di Parlimen serta memperli Ahli Parlimen wanita di Parlimen. Tindakan Ahli Parlimen sebegini tidak dihukum oleh Speaker Dewan mahupun pengundi. Desakan untuk Akta Anti-Gangguan Seksual berterusan, namun terus ditolak ke tepi oleh kerajaan.

Pada tahun 2017, isu gangguan seksual ini muncul kembali dengan bentuk berbeza. Sudah tentu anda tidak lupa gambar seorang wanita bertudung di Stesen Minyak Shell yang telah dicabul kehormatannya banyak kali dengan aksi lelaki yang mengambil gambar dengan "cut-out" wanita itu sambil meletak tangan di buah dadanya dan bahagian intimnya. Aksi sebegini telah

menunjukkan betapa teruknya pemikiran lelaki di Malaysia mengenai wanita sehingga gambar wanita juga dicabuli. Wanita dalam gambar ini pula bertudung, menunjukkan bukannya pakaian seksi yang menarik gangguan seksual, tetapi pemikiran lelaki yang teruk menyebabkan gangguan seksual terhadap wanita.

Kesemua peristiwa di atas menunjukkan bahawa betapa perlunya Akta Anti-Gangguan Seksual digubal untuk memastikan kaum wanita di Malaysia diberi perlindungan di semua tempat, termasuk Parlimen. Malah lebih penting adalah, rakyat terutamanya kaum lelaki sedar akan gangguan seksual adalah sama seperti jenayah seks dan ia mencabuli kehormatan seseorang wanita.

Di sini, ingin ditegaskan bahawa bukan semua lelaki adalah gila seks, kerana majoriti lelaki di kalangan kita menghormati kaum wanita dan mengutuk jenayah seks. Namun, adanya Ahli Parlimen, Menteri dan mereka yang berkuasa sering kali melakukan gangguan seksual terhadap wanita secara terbuka dan melepaskan diri mereka daripada apa-apa dakwaan, malah diundi balik oleh rakyat untuk menjadi Ahli Parlimen. Ini harus berubah. Ini hanya

akan berubah sekiranya Gangguan Seksual dijadikan jenayah dan didakwa di Mahkamah.

Ingin saya akhiri rencana ini dengan pengalaman Zan Azlee, seorang wartawan lelaki di Malaysiakini yang berambut panjang. Beliau telah mengatakan bahawa selepas satu sidang akhbar di Parlimen, beliau telah berdiri membelakangkan diri dan sedang bercakap dengan kawannya. Dari pandangan belakang, beliau nampak seperti wanita kerana rambut panjangnya. Pada masa itu, seorang Menteri telah menarik tangannya dari belakang dan memaksanya masuk ke dalam keretanya. Apabila Zan Azlee menoleh dan memandangi Menteri

berkenaan, Menteri itu berkata "Jantan rupanya, ingat perempuan tadi". Inilah keadaan wanita di Parlimen Malaysia, di mana asalkan seseorang itu nampak macam perempuan, dia terus diganggu secara seksual. Isu pakaian atau tingkah laku bukan pencetusnya. Pencetusnya adalah fikiran mereka yang berkuasa yang fikir mereka dapat melepaskan diri daripada dihukum kerana melakukan jenayah seperti gangguan seksual.

Kita harus mengubah keadaan ini. Kesalahan gangguan seksual harus dikecam rakyat sama seperti jenayah rogol. Mereka yang melakukan gangguan seksual harus didakwa di Mahkamah. Tuntutan untuk menggubal Akta Anti-Gangguan Seksual harus diutarakan secara konsisten oleh semua, bukan sahaja kumpulan wanita. Akhir sekali, tindakan menuduh mangsa harus dihentikan dalam sebarang kes jenayah seksual kerana pesalahnya adalah orang yang melakukan jenayah, dan bukannya mangsa.

Gubal Akta Anti-Gangguan Seksual sekarang juga! ##





## SKIM INSURANS PEKERJA (SIP)

### EMPLOYMENT INSURANCE SYSTEM (EIS)

Kepada pekerja-pekerja:

1. Pastikan majikan anda mencarum SIP setiap bulan mulai Januari 2018
2. Jika anda hilang kerja, anda layak mendapat elaun cari kerja di bawah SIP
3. Anda juga boleh menerima latihan untuk kerja baru

**HADIR KE PERKESO YANG BERDEKATAN UNTUK FAEDAH INI.**

**JIKA ANDA HADAPI MASALAH DALAM MENDAPAT HAK INI, HUBUNGI HOTLINE KAMI: 010-2402159 ATAU 016-4407422**



# Dr. Kumar membidas Bank Dunia

Dalam satu surat terbuka kepada Victoria Kwakwa, Naib Presiden Bank Dunia untuk rantau Asia Timur dan Pasifik, Dr. Jeyakumar Devaraj telah menyatakan kekecewaannya terhadap kenyataan yang diberi oleh pegawai tinggi institusi kewangan tersebut dalam satu wawancara yang disiarkan dalam akhbar *The Star* pada 1 Januari lalu. (pautan laporan: <https://www.thestar.com.my/business/business-news/2018/01/01/full-integration-is-key-to-success-asean-told/>)

Walaupun Victoria Kwakwa mengatakan bahawa pertumbuhan ekonomi dunia yang lembap dan ketidaksamarataan yang semakin serius merupakan antara cabaran utama yang dihadapi dunia hari ini, tetapi beliau tidak mengenalpasti secara khususnya punca yang menyebabkan kewujudan cabaran ini. Sebaliknya, Kwakwa mencadangkan bahawa ASEAN patut meningkatkan integrasi perdagangan dengan mengurangkan halangan bukan tarif, memperbaiki nutrisi dan melabur dalam modal insan, supaya meningkatkan produktiviti yang didakwa sedang merosot.

Dr. Jeyakumar bersetuju dengan cadangan meningkatkan nutrisi dan melabur dalam penaiktarafan kemahiran, namun beliau meragui kesahihan kenyataan bahawa peningkatan produktiviti di ASEAN tidak berkembang. Dr. Jeyakumar bertanya, "bukankah cara ahli-ahli ekonomi aliran utama mengukur produktiviti itu yang bermasalah?" Formula pengiraan untuk produktiviti adalah output (disukat dengan harga barangan yang dikeluarkan) dibahagikan dengan jam kerja yang diperlukan untuk menghasilkan barangan itu. Namun, Dr. Jeyakumar mengungkitkan hakikat bahawa jika menggunakan formula sebegini, seorang pekerja biasa di barisan pengeluaran dalam kilang yang mengeluarkan semikonduktor di Lembah Silikon Amerika Syarikat adalah 15 kali ganda lebih "produktif" berbanding seorang pekerja dalam kilang yang serupa di Bayan Lepas, Pulau Pinang – proses pengeluaran yang sama, mesin yang serupa, output yang lebih kurang sama apabila menyukatnya dalam jumlah komponen yang dikeluarkan sehari oleh seorang pekerja, tetapi "produktiviti" di Bayan Lepas adalah 15 kali lebih kurang berbanding Lembah Silikon, kerana harga barangan yang dikeluarkan di Bayan Lepas adalah 15 kali lebih rendah berbanding kilang di California. "Jadi, adakah produktiviti itu benar-benar masalahnya?" tanya Dr. Jeyakumar.

Dr. Jeyakumar menanya kenapa Bank Dunia mengelakkan daripada membincangkan isu yang sebenar. "Anda ada data ekonomi dalam jumlah yang besar, dan anda ada ramai orang yang sangat pintar menjadi kakitangan anda. Tetapi, kenapa menyembunyikan isu yang sebenar?"

"Saya pasti Bank Dunia sedar bahawa lebih 70% perdagangan antarabangsa dikuasai oleh 200 syarikat korporat terbesar di dunia, dan mereka menggunakan pekerja bergaji rendah di Asia untuk mengeluarkan barangan

dengan murahannya, tetapi menokok tambah harganya 300-500% sebelum menjual barangan tersebut dalam pasaran AS atau Kesatuan Eropah, maka memperoleh keuntungan yang luar biasa dan mereka akan menyembunyikannya pula di tempat berlindung cukai."

"Bank Dunia semestinya juga sedar bahawa, dalam sejak 30 tahun yang lepas ini, memindahkan pengeluaran dari AS dan Kesatuan Eropah ke luar pesisir ke ekonomi Asia dengan gaji rendah, telah menyebabkan pengurangan pendapatan agregat rakyat pekerja di negara-negara maju. Pada masa yang sama, persaingan yang digerakkan oleh syarikat multinasional besar di kalangan kilang-kilang di Asia telah menekan gaji pekerja Asia di paras yang rendah. Hasil bersih daripada ini adalah kebantutan dalam permintaan agregat. Ini menjadi penghalang kepada pelaburan selanjut dalam membekalkan barangan dan perkhidmatan kepada rakyat biasa kerana kuasa beli mereka telah dihadkan. Tahap pelaburan yang rendah menyebabkan penciptaan peluang kerja yang kurang dan pengangguran kronik," demikian kata Dr. Jeyakumar.

"Kecenderungan untuk membeli barangan dan perkhidmatan berkurangan dengan peningkatan pendapatan. Orang yang sangat kaya akan cuba melabur sebahagian besar pendapatan tambahan mereka, sedangkan separuh populasi yang lebih miskin akan menghabiskan apa-apa pendapatan tambahan. Apabila orang yang kaya tidak dapat melabur lebih dalam pengeluaran barangan dan perkhidmatan (oleh sebab kelembapan dalam pertumbuhan permintaan), mereka mencari cara lain, dan maka anda mendapat gelembung pasaran saham dan aset kewangan lain, di samping kenaikan mendadak dalam harga tanah dan hartanah (di mana ini akan menambahkan lagi kesengsaraan rakyat 80% terbawah, kerana rumah menjadi semakin tidak mampu dimiliki!)," Dr. Jeyakumar mengulas lebih lanjut.

"Jadi, Cik Kwakwa, adakah anda setuju bahawa terlalu banyak pendapatan dunia jatuh dalam tangan segelintir kecil minoriti yang mungkin hanya 0.1% daripada populasi dunia, dan ini merupakan punca utama kepada kelembapan dalam pertumbuhan ekonomi, pengangguran yang kronik, harga hartanah yang melambung tinggi dan keadaan pasaran kewangan seperti kasino?" begini kata-kata Dr. Jeyakumar kepada Naib Presiden Bank Dunia. "Jika kita setuju dengan ini, maka langkah seterusnya menjadi mudah. Kita perlu mencari jalan untuk mengagihkan pendapatan dunia dengan lebih adil. Cadangan Bernie Sanders untuk meningkatkan gaji minimum dan 'mengenakan kelas jutawan membayar bahagian cukai mereka yang sewajarnya', adalah sesuatu yang baik untuk permulaan. Ini bukan sahaja memperbaiki kualiti kehidupan jutaan rakyat kita, ianya juga akan merangsang permintaan agregat, mewujudkan peluang pelaburan, pertumbuhan peluang



**"Punca masalah ekonomi bukannya produktiviti rendah, tetapi pengagihan kekayaan yang tidak adil."**

**- Dr. Jeyakumar Devaraj**

pekerjaan dan membolehkan kerajaan mengurangkan hutang negara di samping membelanja lebih dalam jaringan kebajikan sosial. Ini akan menjadi kitaran yang baik. Perusahaan kecil dan sederhana (SME) dan peniaga lain yang jujur juga akan mendapat faedah."

"Integrasi negara-negara ASEAN yang selanjutnya boleh menjadi sebahagian daripada solusi yang disebut di atas, tetapi ianya perlu sebagai satu integerasi yang ingat pada keperluan untuk membendung pengeluaran cukai oleh golongan jutawan dan keperluan untuk menghentikan serta menterbalikkan 'perlumbaan ke bawah' (*race to the bottom*) dari segi gaji dan piawaian alam sekitar." Banyak negara Asia dan Afrika yang miskin terperangkap dalam perlumbaan ke bawah kerana

kerajaan negara ini terdesak untuk menarik pelaburan asing.

"Amat bagus jikalau anda menunjukkan kebenaran ini kepada pemimpin politik ASEAN semasa lawatan anda ke sini, dan memulakan perbincangan yang serius tentang bagaimana cara-cara yang dicadangkan oleh Bernie Sanders itu dapat diperkenalkan secara berperingkat. Ramai pemimpin politik kami kagum pada institusi anda dan anda sepatutnya boleh memberi bantuan besar kepada rakyat biasa ASEAN! Namun sebaliknya, anda memilih untuk menyembunyikan kebenaran dan mengelirukan lagi minda pemimpin politik kami yang sudah pun bercelaru. Sayangnya sekali, melindungi golongan mahakaya telah menjadi salah satu fungsi Bank Dunia." ##

KRITERIA ASAS
KRITERIA PELARASAN

$$GM = PRT_i \left( \frac{PGK_i}{PURATA PEKERJA SETIAP ISI RUMAH} + \frac{GAJI}{PENENGAH} \right) \times \left[ 1 + \left( \frac{P}{100} \right) + \left( \frac{CPI}{100} \right) + \left( \frac{UE}{100} \right) \right]$$

di mana

GM = Gaji minimum (RM)  
PGK = Pendapatan garis kemiskinan (RM)  
P = Pertumbuhan produktiviti (%)  
CPI = Indeks Harga Pengguna (perubahan %)  
UE = Kadar pengangguran (%): kadar pengangguran benar tolak kadar pengangguran semula jadi (4%)  
i = Wilayah

## Tahukah anda?

Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji adanya satu formula saintifik untuk mengira gaji minimum. Formula tu seperti dalam gambar.

Kalau ikut formula matematik ini, masalahnya Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang digunakan itu adalah sangat rendah dan tidak menggambarkan kemiskinan sebenar dalam masyarakat kita pada hari ini. (PGK untuk Semenanjung Malaysia pada takat ini ialah RM 980, Sabah RM 1,180, Sarawak RM 1,020).

Cara yang lebih baik untuk menentukan gaji minimum melalui formula ini adalah menggantikan faktor PGK dengan pendapatan garis kemiskinan relatif, iaitu 60% daripada pendapatan median bulanan isi rumah.

Jikalau kita guna PGK sebagai faktor dalam pengiraan gaji minimum, Gaji Minimum untuk tahun 2018 sepatutnya ialah:  
**RM 1,368** untuk Semenanjung Malaysia  
**RM 1,175** untuk Sabah  
**RM 1,185** untuk Sarawak

Jikalau kita guna **PGK relatif** sebagai faktor (dengan menggunakan pendapatan median isi rumah tahun 2016, iaitu RM 5,228 untuk Semenanjung, RM 4,110 untuk Sabah dan RM 4,163 untuk Sarawak). Gaji Minimum yang sepatutnya ialah:  
**RM 2,071** untuk Semenanjung Malaysia  
**RM 1,720** untuk Sabah  
**RM 1,767** untuk Sarawak

Jadi, tuntutan untuk **menaikkan gaji minimum ke RM 1,500** memang sedikit pun **tidak keterlaluan**.

# Aku Penjaja Jalanan

sebuah cerpen  
oleh K. Z. Iskandar Zulfaqar

Aku mula mengaut rezeki sebagai penjaja jalanan sejak beberapa bulan lepas. Di bahu jalan raya yang berbekalkan ruang sedikit inilah, aku menapak dan membuka kanopi kecil untuk berlindung daripada hujan dan terik mentari demi satu tujuan. Rezeki!

Berbekalkan resepi tradisi yang diturunkan oleh arwah mak kepada aku, hari ini gerai nasi lemak kecil aku ini hampir dikenali di seluruh pelusuk bandar Alor Setar. Setiap pagi seawal jam 7 pagi, pelanggan sudah berpusu-pusu datang. Kadang-kala akan terjadi barisan panjang di hadapan geraiku daripada pelanggan yang ingin memuaskan selera dengan resipi nasi lemak di geraiku.

Begitulah yang dikatakan rezeki. Ini sahaja mata pencarian yang aku ada. Ingin bekerja dengan kerajaan, sememangnya aku tidak layak. Bukan sahaja kerana pencapaianku kurang cemerlang, faktor pilih bulu juga turut menambahkan lagi luka dalam diriku. Bayangkan seorang rakan aku yang bersekolah sekelas dengan aku. Namanya Syahir. Pencapaiannya dalam pendidikan sangatlah tidak memuaskan. Majoriti subjek yang diambil dalam SPM semuanya gagal.

Namun, oleh kerana keluarganya merupakan penyokong kuat parti pemerintah, hari ini dia selesa bekerja di pejabat kerajaan yang berhawa dingin dan bergaji tetap, sedangkan aku yang memperoleh pencapaian lebih cemerlang daripada Syahir terpaksa meredah terik dan ribut di bawah kanopi kecil untuk mencari rezeki.

Begitulah sistem kronisme yang semakin kuat melanda pemerintahan negara pada hari ini. Hingga ada segelintir rakyat yang merasakan mereka terpaksa menganggotai dan mengundi parti pemerintah tersebut demi kepentingan diri mereka.

Itulah persoalannya kini. Adakah patut sistem dipolitikkan dan dicabul untuk kepentingan sebuah parti politik sahaja. Bagaimana pula dengan parti-parti yang lain yang tidak sealign dengan parti pemerintah? Di manakah hak mereka? Sedangkan pemerintah selalu berteriak dan menyalak negara ini negara demokrasi, semua rakyat mendapat hak yang sama.

Aku adalah salah seorang daripada mangsa kepada sistem gila ini. Aku adalah bukti kepincangan sistem kerajaan yang melebihi kroni untuk menyerap masuk penjawat awam.



Gambar hiasan

Aku redha dengan semua itu. Biarlah! Itu semua rezeki. Rezeki orang Allah beri dengan cara berbeza. Aku masih mampu berfikir positif walaupun jelas-jelas aku menjadi mangsa kepada sistem kroni.

“Nasi lemak tiga bungkus bos!” Suara pesanan makanan itu menyedarkan aku daripada termenung panjang mengenang nasib diri yang ditindas.

Suara tersebut datang daripada Encik Chew, seorang ahli perniagaan berjaya yang juga merupakan pelanggan setia gerai nasi lemakku. Encik Chew berniaga produk-produk kesihatan. Perniagaannya telah dikenali seluruh negara. Siapa sahaja yang tidak kenal dengan nama Chew? Sebut sahaja produknya, semua orang sudah tahu.

“Eh kau rupanya. Aku ingat siapa tadi! Awal kau hari ni. Nak ke mana?” tanyaku kepada Encik Chew. Aku sudah rapat dengan dia sehinggakan kami berbual pun menggunakan gelaran ‘aku’.

“Aku ada meeting kat Thailand. Sebab tu lah kena awal. Meeting kat mana sekalipun, nasi lemak kau mesti kena ada, bro.” Kata-kata Chew itu diikuti dengan tawanya.

“Terima kasih jadi pelanggan setia aku. Terima kasih juga tolong promote gerai aku. Aku tak mampu nak balas jasa baik kau ni kawan.”

“Jangan risau! Aku tolong kau sebab aku bangga dengan kau. Muda-muda sudah rajin mau berniaga. Aku nak kau jadi usahawan berjaya nanti. Memang ramai orang cakap dalam perniagaan ni kita kena tolong bangsa sendiri. Kalau dari segi kemanusiaan dan kesaksamaan, adil ke aku mau tolong sama bangsa aku saja?” soal Chew kepadaku.

“Betul tu Chew. Aku tak pernah jumpa orang sebaik kau. Patutlah Tuhan bagi kau kejayaan dalam bidang perniagaan kerana hati kau baik,” puji aku ikhlas menyantuni akhlak baik Chew itu.

Tiga bungkus nasi lemak yang dipesannya siap dibungkus. aku menghulurkan nasi lemak itu kepadanya dan dibalas dengan huluran duit. Dia berlalu pergi selepas membayar nasi lemaknya itu. Aku pula sempat melabuhkan punggung sementara menanti pelanggan lain datang membeli.

Hari ini rezeki aku tidak sebanyak selalu. Hari ini aku masih ada waktu untuk berehat kerana sebelum ini aku tidak sempat untuk berehat kerana tidak menyang tangan melayani pelanggan yang berpusu-pusu menyerbu gerai kecilku ini.

Sedang aku berehat menunggu pelanggan, tiba-tiba retina mataku menangkap sesuatu yang tidak menyenangkan hati. Perkara inilah yang aku



Gambar hiasan

takutkan selama ini. Hari ini mimpi ngeri aku itu bakal menjadi suatu kenyataan.

Sebuah trak yang tertera logo serta tulisan majlis perbandaran berhenti betul-betul di hadapan geraiku. Dua orang pegawai majlis perbandaran yang berpakaian uniform kemas turun daripada trak tersebut dan menghampiri geraiku.

“Maafkan saya, encik. Kami mendapat arahan untuk merobohkan gerai encik. Encik tidak mendapat sebarang lesen untuk menjalankan urusan perniagaan. Oleh itu, kami akan robohkan gerai encik sekarang!” kata salah seorang daripada mereka.

“Tunggu dulu encik. Saya tahu saya salah tetapi mengapa mesti nak roboh terus. Bukankah saya sepatutnya diberi notis terlebih dahulu?” Aku cuba meminta penjelasan.

“Maafkan kami. Itu bukan urusan kami. Kami hanya mengikut arahan pihak atasan!” Kali ini lelaki itu lebih serius.

Seraya itu juga sebuah jentolak tiba di hadapan geraiku. Aku berdiri di hadapan gerai kecilku dan mendepa tanganku seluasnya dengan bertujuan ingin menghalang mereka daripada merobohkan kedai yang banyak berjasa kepadaku itu.

“Encik tak boleh buat saya macam ni! Saya ada hak!” jerit aku kuat.

“Pergi mati dengan hak kau. Tiada siapa mampu melawan keputusan kerajaan.” Sebaik kata-kata itu habis terpacul, salah seorang pegawai itu

menghampiriku dan menghadaikan sebuah penumbuknya tepat ke mukaku.

Aku tertiarap dan meraung kesakitan. Ketika itu jugalah aku melihat gerai kecil yang sangat berjasa kepadaku itu dilanyak tanpa perasaan oleh jentolak tersebut. Habis kuah nasi lemak dan nasi tumpah di atas jalan. Hanya air mata mampu menemani nasib malangku. Jentolak itu terus ghairah mengerjakan geraiku sehingga ranap.

“Itulah aku dah cakap jangan melawan kerajaan! Jangan nak sembang tentang hak. Orang bodoh macam kau ni takdak hak!” Mereka berdua berlalu pergi setelah puas melihat geraiku diranapkan.

Aku tidak mampu menahan sebak. Terpaksa aku tundukkan kepala dan menangis sepuasnya. Ketika itu juga aku merasa seseorang memegang bahu dari belakang. Aku menoleh. Encik Chew berdiri betul-betul di belakangku sekarang ini.

“Sabarlah bro. Beginilah kezaliman kerajaan. Jangan risau bro. Nanti saya kasi tolong bro. Saya belum sempat lagi ke airport tergerak hati nak berpatah balik dan semasa melalui jalan ini, saya nampak gerai bro sudah roboh. Sabarlah! Saya akan bantu bro. saya janji!” Chew memberiku harapan.

“Terima kasih Chew, rakanku selamanya!”

Aku bersyukur kerana ada Chew yang sudi menolong. Aku juga sedih dengan realiti. Seorang penjaja jalanan yang menjual nasi lemak tanpa permit dianggap salah sedangkan seorang kleptokrat yang berkuasa dengan cara menipu menggondol wang rakyat serta menggadai negara diagungkan. ##



Gambar hiasan





Aspirasi untuk mewujudkan masyarakat yang samarata (egalitarian), di mana tidak wujud lagi penindasan dan pemerasan ke atas sesiapa pun, telah wujud sejak beribu-ribu tahun dahulu dalam tamadun manusia. Di mana ada penindasan, di situ ada penentangan. Penentangan terhadap penindasan dalam masyarakat kelas (termasuk masyarakat kapitalis) melahirkan pelbagai ideal atau impian untuk sebuah masyarakat yang tanpa kelas.

Masyarakat yang samarata dengan setiap orang dapat hidup sejahtera dan bebas daripada segala bentuk penindasan, sememangnya adalah matlamat perjuangan gerakan kiri di seluruh dunia, sama ada sosialis, anarkis ataupun mereka yang menggelar diri sebagai komunis.

Namun, istilah “komunis” telah menjadi suatu perkataan yang jahat dan disamakan dengan “kekejaman”, “keganasan”, “kediktatoran”, “kuku besi” dan sebagainya, hasil daripada propaganda imperialis barat sewaktu zaman Perang Dingin. Tambahan pula dengan pengalaman pahit eksperimen sosial di negara-negara yang diperintah oleh parti-parti politik yang menggelar diri mereka sebagai “parti komunis”, telah memperkuat lagi tanggapan bahawa “komunisme” itu sesuatu yang buruk.

Dalam pengertian asal Marxisme, komunisme atau masyarakat komunis, adalah masyarakat tanpa kelas, iaitu sebuah masyarakat yang tidak wujud lagi penindasan dan pemerasan ke atas manusia.

Pada Zaman Pembaharuan (*Renaissance*) sehingga ke awal perkembangan kapitalisme di Eropah, wujudnya pemikir-pemikir Sosialis Utopia yang mengilhamkan idea-idea untuk masyarakat yang bersifat sosialis, antaranya:

- **Robert Owen** (1771-1858), usahawan dan reformis sosial dari Wales, Britain. Beliau pernah menulis buku seperti *A New View of Society* (diterbit pada tahun 1813). Beliau pada awalnya menggerakkan pembaharuan sosial seperti penggubalan undang-undang buruh, kemudiannya menyokong penghapusan sistem pemilikan persendirian dan kelas, pernah cuba membuat eksperimen dengan membina sebuah komun di Amerika Syarikat. Owen juga merupakan pelopor gerakan koperasi.
- **Henri Saint-Simon** (1760-1825), seorang ahli teori dan peniaga Perancis, yang pernah mengambil bahagian dalam Perang Kemerdekaan Amerika Syarikat dan Revolusi Perancis. Beliau percaya bahawa masyarakat yang ideal patut dipimpin oleh usahawan dan ahli

# Dari Sosialisme Utopia ke Sosialisme Saintifik

sains, untuk melakukan pengeluaran secara terancang, semua orang perlu bekerja.

- **Francois Charles Fourier** (1772-1837), ahli falsafah Perancis yang bercita-cita mewujudkan “*Phalanstère*”, satu bentuk masyarakat serba lengkap di mana orang yang hidup di dalamnya bekerjasama untuk faedah bersama, buruh menjadi keperluan hidup dan hiburan, setiap orang dapat berkembang secara menyeluruh.

Para **Sosialis Utopia** merupakan pelopor Sosialisme Moden. Ahli-ahli falsafah Sosialis Utopia yang awal telah cuba melontarkan idea-idea mereka berasaskan pengetahuan yang diperoleh pada zaman mereka. Antara idea-idea mereka adalah:

- Mengkritik secara tajam terhadap ketidaksamaan sosial, khususnya mengkritik ketidaksamaan yang unik dalam masyarakat borjuasi.
- Perancangan untuk mengorganisasi masyarakat yang samarata dengan asas sistem sosialis.

Namun, doktrin pemikiran Sosialis Utopia mempunyai kelemahannya:

- Mereka mencadangkan masyarakat yang diidamkan sebagai satu ideal. Mereka bercadang untuk membina masyarakat ideal sebegini dengan hanya bergantung pada persefahaman dan perasaan muhibah manusia. Masyarakat ideal sebegini tiada kaitan dengan perkembangan masyarakat kapitalis yang ditentukan oleh hukum sejarah yang saintifik.
- Pemahaman mereka tentang kewujudan ketidaksamaan sosial (seperti syarat kewujudannya dan syarat untuk menghapuskannya) tiada asas saintifik yang mencukupi. Mereka kebanyakannya mengkaji permasalahan melalui faktor-faktor sekunder (seperti keganasan, moral, wang, psikologi dan kejahilan), bukannya melalui punca masalah daripada struktur ekonomi dan masyarakat, juga bukannya melalui saling interaksi antara hubungan pengeluaran dan tahap perkembangan kuasa pengeluaran.

Marx dan Engels berbeza dengan Sosialis Utopia, kerana mereka membawa teori-teori yang berasaskan penaakulan saintifik. Marxis memahami masyarakat dan sejarah bukannya melalui cara yang idealis, tetapi melalui analisis yang berasaskan realiti dan kehidupan sebenar. Oleh itu, teori sosio-politik-ekonomi tentang perubahan masyarakat yang dibawa oleh Marx juga digelar sebagai “**Sosialisme**

**Saintifik**”.

Masyarakat sosialis yang diperjuangkan Sosialisme Saintifik, bukannya satu model “masyarakat ideal” yang berasaskan perekaciptaan intelektual, tetapi satu gerakan yang nyata berasaskan realiti untuk memperjuangkan sebuah masyarakat yang samarata dan bebas daripada penindasan kelas.

Marx dan Marxis selepasnya bukan sahaja menganalisa masyarakat kapitalis secara mendalam, malah mendapat kesimpulan bahawa masyarakat sosialis dan kemudiannya komunis dapat diwujudkan berasaskan kekayaan yang sedia ada. Namun, peralihan daripada masyarakat kapitalis kepada masyarakat sosialis bukannya suatu proses yang semulajadi, tetapi melibatkan perjuangan kelas.

Walaupun tiadanya satu pelan induk untuk masyarakat sosialis, namun adalah dipersetujui bahawa prinsip-prinsip asas untuk masyarakat sosialis adalah:

- Ekonomi adalah di bawah **pemilikan sosial** (iaitu pemilikan bersama antara semua anggota dalam masyarakat). Pemilikan persendirian ke atas sumber pengeluaran dihapuskan.
- **Ekonomi diuruskan secara demokratik** (iaitu melibatkan penyertaan seluruh anggota masyarakat dalam membuat keputusan tentang pengagihan kekayaan masyarakat).
- Ekonomi digunakan untuk memenuhi keperluan semua rakyat dalam seluruh masyarakat.
- Asas ekonomi untuk masyarakat sosialis adalah **penggabungan bebas antara pengeluar-pengeluar**.
- **Masyarakat yang tanpa kelas** (tidak wujud lagi kelas sosial yang membezakan manusia dalam hubungan pengeluaran), maka tiada lagi pemerasan dan penindasan kelas.
- **Masyarakat yang benar-benar bebas** untuk setiap orang. Perkembangan bebas setiap individu adalah syarat kepada perkembangan bebas semua orang.

“**Daripada sesiapa mengikut keupayaannya, kepada sesiapa mengikut keperluannya**”, menyimpulkan secara jelas dan ringkasnya, sifat asas sebuah masyarakat sosialis pada peringkat tertingginya.

Tujuan perjuangan Marxis bukannya menjadikan “semua orang adalah seragam”, seperti yang dianggap oleh mereka yang anti-sosialis. Marxis ingin membolehkan pemikiran dan tindakan setiap orang berkembang dalam keadaan yang tiada sekatan dan kaya dengan pelbagai kemungkinan. Hanya dengan

mewujudkan kesamarataan secara sosial dan ekonomi, sehingga manusia tidak perlu lagi berjuang bermati-matian untuk pemakanan setiap hari dan diasingkan oleh sistem kelas, maka barulah setiap orang dapat merealisasikan personalitinya sebagai manusia.

Dalam masyarakat sosialis, pengeluaran adalah untuk memenuhi keperluan semua manusia, bukannya untuk keuntungan. Manusia yang hidup dalam masyarakat sosialis tidak lagi perlu menghasilkan barangan untuk dijual dalam pasaran, malah mereka mengeluarkan nilai guna, dan diagihkan kepada seluruh anggota masyarakat untuk memenuhi keperluan masing-masing.

Masyarakat sosialis adalah **masyarakat yang benar-benar demokratik, bebas, saksama dan manusia hidup secara tolong-menolong** (tanpa mengharapkan apa-apa pulangan). Sekiranya golongan pekerja masih dikuasi oleh modal dan wujudnya ketidaksamaan dalam pengagihan kuasa ekonomi, tidak mungkin kita mewujudkan masyarakat sedemikian. Sosialis berjuang untuk demokrasi ekonomi yang berasaskan pegangan bahawa “apa-apa yang berkaitan dengan semua orang patut diputuskan oleh semua orang”.

Masyarakat sosialis akan membebaskan manusia daripada batasan pemisahan kerja secara sosial dan ekonomi. Marxis tidak menerima pandangan sempit yang menyatakan bahawa “ada orang dilahirkan sebagai pemerintah, dan ada orang yang dilahirkan sebagai yang diperintah.” Sesiapa pun tidak boleh ditentukan pekerjaannya seumur hidup mengikut sifatnya. Setiap orang mempunyai keazaman untuk melibatkan diri dalam pelbagai jenis aktiviti. Maka, masyarakat sosialis membolehkan setiap orang menggunakan kebolehnya dan menikmati aktiviti kehidupannya. ##

“**Dalam fasa lebih tinggi dalam masyarakat komunis, selepas sudahpun hilangnya subordinasi penghambaan individu kepada pembahagian kerja dan dengannya juga antitesis antara buruh mental dan fizikal; selepas buruh menjadi bukan sahaja sumber untuk kehidupan tetapi kehendak utama kehidupan; selepas kuasa produktif juga meningkat dengan pembangunan keseluruhan individu, dan semua sumber untuk kekayaan hasil kerjasama mengalir dengan lebih banyaknya – barulah boleh melintasi seluruhnya batasan yang sempit untuk hak borjuasi, dan masyarakat boleh menulis atas panjinya: **daripada sesiapa mengikut keupayaannya, kepada sesiapa mengikut keperluannya!**”**

- **Karl Marx**,  
*Critique of the Gotha Program*, 1875

# Gabungan Kiri kemukakan MANIFESTO UNTUK 99%

**Gabungan Kiri Malaysia** telah melancarkan **Manifesto untuk 99%**, sebuah dokumen yang menggariskan cadangan dasar-dasar alternatif untuk membina masyarakat Malaysia yang lebih adil dan saksama.

Berikut ialah kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Gabungan Kiri pada 10 Januari lalu:

Kami dari Gabungan Kiri Malaysia yang merangkumi kumpulan-kumpulan kiri daripada pelbagai latar belakang, sosial dan budaya akar umbi. Dari sebuah permulaan yang kecil, kini Gabungan Kiri dianggotai oleh pelbagai organisasi kiri (atau juga dikenali sebagai sosialis) dari seluruh negara: parti-parti politik, kumpulan-kumpulan anak muda, aktivis budaya, ahli-ahli akademik, dan juga ahli kesatuan sekerja. Bersama mereka mewakili spektrum idea-idea umum yang meluas dalam sosialisme.

Setelah Pilihan Raya Umum ke-13 pada tahun 2013, beberapa kumpulan kiri telah datang bersama dan berpendapat bahawa Malaysia memerlukan satu alternatif dalam politik, di mana alternatif ini akan lebih fokus pada masalah 99% rakyat biasa dari segi masalah ekonomi, menjaga kebajikan rakyat dan menentang sistem kapitalisme yang merosakkan negara dan memiskinkan rakyat.

Maka, bersempena tahun ini yang juga merupakan tahun berlangsungnya Pilihan Raya Umum yang ke-14, kami sebagai Gabungan Kiri telah berbincang lebih setahun untuk mengeluarkan "Manifesto untuk 99%" yang merangkumi 6 idea utama yang dikategorikan dalam 18 isu pokok rakyat.

Rakyat Malaysia semakin hari semakin ditindas dengan kehidupan harian yang sangat tidak stabil dengan kenaikan harga barang, kos hidup yang tinggi, kehilangan pekerjaan kerana ekonomi yang tidak stabil, anak muda menjadi penghutang dalam usia yang sangat muda, dan tekanan jiwa yang sangat

tinggi kerana mereka tidak mampu untuk menangani segala masalah yang disebutkan di atas. Rakyat Malaysia tidak dapat menjanjikan satu kehidupan yang selesa kepada anak-anak mereka.

Matlamat kami untuk melancarkan manifesto ini adalah, kami ingin mengutarakan alternatif kepada polisi-polisi yang sedia ada serta memulakan satu perbincangan dalam kalangan rakyat bahawa wujudnya alternatif kepada segala masalah mereka dan ianya boleh dilaksanakan oleh mana-mana parti yang menang dalam pilihan raya dan menjadi kerajaan.

## 6 IDEA UTAMA DALAM "MANIFESTO UNTUK 99%" ADALAH:

- 1. Pengagihan kekayaan yang saksama** - Menutup jurang antara kaya dan miskin melalui percukaian yang adil, pelaburan dalam pendidikan dan dasar sosial yang afirmatif.
- 2. Pendidikan universiti yang percuma untuk semua** - Membuka peluang untuk lebih ramai untuk mendapatkan pendidikan tinggi, tanpa mengira latar belakang.
- 3. Gaji yang mampu hidup untuk semua pekerja** - Satu jaminan untuk sebuah gaji minimum yang tinggi di mana pekerja boleh mencapai tahap kehidupan yang selesa dan keseimbangan kerja-hidup.
- 4. Perumahan berkualiti tinggi untuk semua** - Satu ikrar untuk membina perumahan lestari yang berkualiti tinggi agar mampu dimiliki atau disewa di seluruh negara.
- 5. Mencipta sebuah dana pencen untuk semua** - Menubuhkan sebuah dana kekayaan berdaulat (*sovereign wealth fund*) untuk dijadikan bayaran pencen untuk sepanjang hidup.
- 6. Transformasi kepada sebuah ekonomi yang hijau dan berteknologi tinggi** - Mendepani automasi dan ekonomi teknologi tinggi melalui pelaburan dalam kemahiran tenaga kerja, penyelidikan dan infrastruktur yang hijau.

Maka, kami berharap mana-mana parti politik yang bertanding pada pilihan raya yang akan datang untuk menerap Manifesto kami dalam pelaksanaan polisi mereka. Manifesto ini adalah untuk memberikan keyakinan kepada rakyat Malaysia bahawa kita boleh membina Malaysia bersama-sama tanpa mendiskriminasikan sesiapa dan

tanpa meninggalkan mana-mana kaum atau bangsa dalam sebarang perubahan dan pembangunan negara; membina sebuah negara yang menyediakan segala kemudahan untuk setiap rakyat Malaysia demi meneruskan kehidupan mereka; semua pekerja dilayan dan dibayar gaji dengan adil dan saksama; dan semua rakyat Malaysia hidup dengan martabat diri dan segala hak asasi mereka dihormati dan dilindungi.

Setiap pilihanraya adalah untuk membuat pilihan. Adakah pilihan yang ada pada ketika ini memadai? Ataupun kita bekerja keras mulai sekarang untuk mewujudkan sebuah alternatif yang menjunjung keperluan 99% rakyat dan bukannya 1% orang kaya. Kita tidak mahu masa depan yang memperlihatkan "kaya semakin kaya dan miskin semakin miskin". Manifesto ini bukan hanya untuk pilihanraya tetapi ia adalah satu kehidupan yang kita idamkan dalam masa depan.

Mari kita membina Malaysia **untuk 99% rakyat, bukan untuk 1%**.

MANIFESTO UNTUK 99% merangkumi cadangan dasar untuk 18 isu pokok yang tergolong dalam 4 kategori utama berikut:

- 1. Pembangunan yang mengutamakan rakyat serta lestari**
  - Sebuah dasar ekonomi yang progresif
  - Pembangunan lestari dan perlindungan alam sekitar
  - Infrastruktur dan pelan pembangunan daerah yang mampan
- 2. Hak-hak demokratik dan politik**

- Membina demokrasi tulen
- Mempertahankan hak asasi manusia dan kedaulatan undang-undang
- Mendukung prinsip kebebasan bersuara dan maklumat
- Kesaksamaan hak untuk semua tanpa mengira etnik, umur, agama dan seksualiti
- Toleransi sifar terhadap korupsi, nepotisme dan salahguna kuasa oleh elit politik

### 3. Pengagihan semula kekayaan secara saksama

- Membendung perkembangan ketidaksetaraan pendapatan
- Mempertahankan kepentingan dan hak-hak pekerja

### 4. Masyarakat dan budaya yang inklusif

- Mendukung hak-hak asasi serta martabat wanita
- Sebuah dasar pendidikan yang adil dan berpandangan jauh
- Sistem penjagaan kesihatan awam yang lebih baik
- Dasar masyarakat penyayang dan berpaksikan rakyat
- Menyokong hak-hak orang asal, tanah-tanah adat, budaya dan agama mereka
- Dasar kebudayaan yang merayakan kepelbagaian
- Memerangi jenayah dan meningkatkan keselamatan awam
- Mengurangkan perbelanjaan pertahanan dan menghidupkan budaya keamanan

Isi kandungan penuh MANIFESTO UNTUK 99% boleh didapati di laman web ini: <http://gabungkiri.org/manifesto.php>



## Sudut Komik Was-was 2020

